

**MESYUARAT KETIGA (BAJET) PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

PEMBENTANGAN OLEH:

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI BESAR JOHOR**

**'BAJET JOHOR 2018: MEMBANGUN DEKAD BAHARU YANG SEJAHTERA UNTUK
JOHOR'**

BERTARIKH 23 NOVEMBER 2017

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

A. MUKADIMAH

1. Alhamdulillah marilah kita menzahirkan rasa syukur yang setulusnya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan kurnia-Nya jua, saya diberikan kesempatan sekali lagi untuk membentangkan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2018.
2. Seterusnya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk mewakili Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat serta seluruh warga Johor, untuk merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2017.
3. Marilah kita semua, menitipkan doa paling tulus dan ikhlas. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta seluruh keluarga DiRaja, akan terus diberkati, dirahmati serta diberikan segala kelebihan untuk terus menaungi negeri Johor ini dengan adil dan bijaksana.
4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah Kerajaan Negeri dan seluruh warga Johor kepada pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) atas kemenangan besar mereka merebut Piala Malaysia. Adalah diharapkan kemenangan JDT ini akan menjadi dorongan kepada pasukan Johor dalam acara sukan lain agar Negeri Johor menjadi kuasa sukan penting negara.
5. Pasti pihak Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Johor amat berbangga dengan pencapaian tersebut. Marilah kita semua, terus mendoakan lebih banyak kejayaan dapat dicatatkan pada masa hadapan, insya-Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

6. Bajet Johor 2018 ini amat bermakna kerana ia bukan sekadar satu pembentangan bagi menyantuni tuntutan takwim tahunan. Sebaliknya, ia menjadi asas kepada usaha Kerajaan Negeri memberikan suntikan serta lonjakan baharu kepada pertumbuhan dan masa depan Johor. Maka, segala susunan, pertimbangan dan kandungan Bajet Johor 2018 ini dipimpin tegas oleh 3 objektif dan keutamaan, iaitu:
 - a. **Pertama**, memperkukuh pengurusan fiskal dan kewangan negeri sebagai landasan ekonomi yang ampuh dalam melonjakkan Johor sebagai Kuasa Ekonomi Selatan;
 - b. **Kedua**, menambah baik agenda kesejahteraan masyarakat melalui inisiatif-inisiatif strategik bersifat pro-rakyat, yang dicerakinkan dalam 5 strategi utama; dan
 - c. **Ketiga**, mengemukakan naratif baru bagi melonjak pembangunan Johor secara besar-besaran.
7. Sebelum saya mengulas lanjut kesemua ini, izinkan saya melaporkan kepada Dewan Yang Mulia, prestasi dan kedudukan semasa ekonomi Johor serta sorotan ringkas pencapaian pembangunan serta pelaburan bagi tahun 2017.

B. KEDUDUKAN DAN CABARAN EKONOMI

8. Kita maklum bahawa perancangan pengurusan kewangan dan pembangunan negeri tidak boleh direncanakan dengan mengetepikan segala perkembangan dan senario global. Ini kerana, perkembangan dan kedudukan semasa ekonomi global pastinya akan memberi impak kepada rantau ini, kepada Malaysia dan pastinya kepada Johor.

i. Ekonomi Global

9. Ekonomi global yang kini masih dalam fasa pemulihan dari kelembapan pertumbuhan pada 2016, dijangka akan dapat terus mengekalkan momentum pertumbuhan, iaitu 3.7% bagi tahun 2018, berbanding 3.6% pada 2017. Walaupun pertumbuhan ekonomi negara maju dijangka akan sedikit menurun, beberapa negara pasaran membangun atau 'emerging economies', dengan izin dan ekonomi membangun terutama sekali di Asia dan juga beberapa negara ASEAN, akan menunjukkan sedikit peningkatan.
10. Prospek ekonomi global yang lebih baik adalah salah satu faktor penyumbang kepada pengekal momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia yang diunjurkan bagi tahun 2018. KDNK dijangka berkembang pada kadar antara 5% hingga 5.5% pada tahun 2018 setelah tumbuh pada kadar 5.2% hingga 5.7% pada tahun ini. Ini

akan terus didorong oleh penggunaan swasta dan sektor-sektor utama iaitu perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

11. Walau bagaimanapun, unjuran dan prospek ekonomi global tersebut tertakluk kepada kebarangkalian risiko-risiko yang boleh menyebabkan senario asas ini tersasar.
12. Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka, sudah tentu negara tidak dapat lari dari menerima kesan risiko-risiko ekonomi global ini.

ii. Ekonomi Malaysia

13. Selain itu, negara juga harus bersedia dengan risiko dari faktor domestik antaranya:
 - a. Pertama, ketidaktentuan pasaran kewangan domestik dan komoditi;
 - b. Kedua, kedudukan dan volatiliti Ringgit dalam pasaran antarabangsa; dan
 - c. Ketiga, ketidakseimbangan pasaran hartanah yang semakin meruncing.

iii. Ekonomi Negeri Johor

14. **Ekonomi Yang Disokong Kukuh Oleh Pelbagai Sektor.**
15. Sejak tahun 2011 sehingga 2016, pertumbuhan ekonomi Johor melebihi kadar direkodkan untuk Malaysia setiap tahun, dengan purata pada 5.9% berbanding 5.1% bagi Malaysia.
16. Keadaan ini disumbangkan oleh, antaranya, faktor ekonomi Johor yang digerakkan oleh kekuatan pelbagai sektor dan tidak terlalu tertumpu kepada hanya satu sektor pendorong. Johor adalah negeri ketiga terbesar bagi semua sektor utama negara kecuali perlombongan.
17. Bagi tahun 2016, Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK pada 4.2% manakala Johor mencatatkan kadar pertumbuhan 5.7%, iaitu ketiga tertinggi selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Kadar ini bukan sahaja melebihi unjuran awal pertumbuhan KDNK 2016 iaitu 4.9%. Malah, nilai KDNK sendiri telah meningkat daripada RM98.9 bilion kepada RM104.5 bilion. Jumlah ini menyumbang kepada 9.4% KDNK Nasional.
18. Secara asasnya, unjuran semula pertumbuhan ekonomi pada tahun 2017 telah berkembang pada kadar 5.9% hingga 6.3%, yakni lebih tinggi daripada unjuran asal iaitu pada 4.5% hingga 5.5% semasa ucapan bajet saya yang lepas. Bagi

tahun 2018, unjuran pertumbuhan ekonomi Johor dianggarkan pada kadar sekitar 5.5% hingga 6%.

C. PRESTASI PEMBANGUNAN DAN PELABURAN

19. Seterusnya, saya rumuskan pula prestasi dan pencapaian pembangunan serta pelaburan negeri Johor bagi tahun ini.

i. Prestasi Pembangunan

20. **Peningkatan Pendapatan Isi Rumah Johor dan Pengecilan Jurang Antara Bandar dan Luar Bandar.**
21. Median pendapatan isi rumah Johor adalah sebanyak RM5,652 pada tahun 2016, iaitu lebih tinggi dari tahap nasional iaitu RM5,228. Lebih membanggakan, pendapatan isi rumah di luar bandar di Johor adalah sekitar RM4,431, iaitu RM1 ribu lebih tinggi dari kadar nasional iaitu hanya sekitar RM3,471.
22. **Kadar Kemiskinan Sifar.**
23. Berikutan penokokan pendapatan isi rumah, kadar kemiskinan Johor telah menurun dengan ketara, iaitu dari 0.9% pada tahun 2012 kepada 0.0% pada tahun 2014. Dan pada tahun 2016, Johor berjaya mengekalkan insiden kemiskinan pada kadar 0.0%, dan merupakan yang terendah di Malaysia.

ii. Prestasi Pelaburan

24. **Johor Kekal Sebagai Pilihan Utama Pelabur Swasta.**
25. Untuk setengah tahun pertama 2017, Johor mencatat jumlah pelaburan untuk sektor pembuatan sebanyak RM1.4 bilion, iaitu 8.23% daripada jumlah keseluruhan pelaburan di Malaysia. Ini menjadikan pelaburan terkumpul sejak 2010 sehingga Jun tahun ini adalah sebanyak RM113 bilion, iaitu yang tertinggi di Malaysia.

D. DEKAD BAHARU JOHOR: MISI, FALSAFAH DAN HALA TUJU

26. Bersandarkan semua pencapaian yang telah saya rumuskan di atas, amat jelas bahawa Johor mempunyai potensi yang luar biasa. Segala potensi ini sudah tidak lagi boleh dibangunkan secara biasa-biasa. Malah, pendekatan yang berdasarkan pertumbuhan secara malar nampaknya terlalu perlahan dan tidak sepadan dengan kepesatan pembangunan Johor.
27. Sebaliknya, Johor memerlukan dorongan baharu. Dorongan yang berupaya menterjemahkan falsafah pembangunannya, iaitu Johor Yang Berkemajuan, dengan lebih berkesan dan berjaya. Johor memerlukan lonjakan yang radikal dan

transformatif, yang akan memberikan wajah baharu kepada iklim ekonomi dan landskap kesejahteraan rakyatnya.

28. Lalu, bertitik tolak dari kesedaran ini, saya ingin mengutarakan misi baharu untuk Johor. Iaitu membangunkan Johor menjadi negeri paling membangun dan sejahtera dalam tempoh 10 tahun dari sekarang. Misi ini akan kita panggil Membangun Dekad Baharu Untuk Johor. Ringkasnya DEKAD BAHARU JOHOR.
29. Melalui misi ini, dalam masa sepuluh tahun akan datang, akan bermulalah era baharu untuk Johor. Johor akan menyaksikan dekad yang penuh dengan pertumbuhan ekonomi yang agresif dan peningkatan kesejahteraan rakyatnya secara transformatif.
30. Misi ini, insya-Allah, akan menjadi dorongan baharu untuk kita merealisasikan visi besar Johor Yang Berkemajuan.
31. Misi inilah yang menjadi tema Bajet Johor 2018 iaitu 'Membangun Dekad Baharu Untuk Johor'.
32. Apakah maksud, inti pati dan hala tuju misi baharu ini?
33. **Pertama, dalam masa sepuluh tahun akan datang, Johor akan dibangunkan pada skala besar-besaran.**
34. Ringkasnya, Dekad Baharu Johor akan menyaksikan pelbagai infrastruktur dibangunkan secara terancang dan total. Kita sama sekali tidak boleh mewariskan prasarana usang untuk generasi akan datang yang hidup dalam kurun ke-21 ini. Menjelang 2028, seluruh negeri Johor akan mempunyai prasarana terbaik, komprehensif dan mapan.
35. **Kedua, Dekad Baharu Johor mensasarkan perubahan drastik struktur ekonomi Johor.**
36. Ekonomi Johor mesti dipacu oleh idea besar, kreativiti, teknologi dan inovasi. Kita akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi digital, ekonomi kreatif dan ekonomi hijau secara besar-besaran di samping memberikan lonjakan baharu kepada ekonomi tradisional.
37. Kita akan memberi tumpuan kepada 'start-up', pelaburan berkaitan 'internet of things', pelbagai pelaburan berorientasikan 'big data', serta kecerdikan buatan. Kita juga akan membangunkan Johor sebagai Hab Data Global dan pertumbuhan Iskandar Malaysia akan insya-Allah, dipacu oleh 'The New Millennial Economy'.
38. Sekalipun begitu, di sebalik fokus baharu ini, pastilah pada masa yang sama kita akan memastikan sektor ekonomi tradisional sedia ada akan terus diberikan pesona baharu melalui inovasi, penggunaan teknologi termaju dan kecerdikan

buatan. Ini bukan kes habis madu sepah dibuang. Ini situasi, yang baharu diteroka, yang lama diperkasa.

39. **Ketiga, Dekad Baharu Johor akan menyaksikan transformasi sistem, budaya kerja dan norma kehidupan kepada kerajaan dan masyarakat digital.**
40. **Keempat, Dekad Baharu Johor akan menyaksikan usaha besar-besaran untuk memastikan setiap putera-puteri Bangsa Johor, dibangunkan kemahirannya secara bersepadu.**
41. Azam kita adalah memastikan yang setiap keluarga di Johor mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu graduan atau mereka yang berkemahiran tinggi. Agenda Johor Mahir akan dijayakan secara lebih agresif dengan memberi tumpuan kepada kemahiran masa hadapan.
42. Cita-cita kita ialah untuk menjadikan Johor negeri tarikan dan tumpuan bakat-bakat terbaik rantau Asia Tenggara. Agar mereka datang, bekerja dan memilih Johor sebagai tempat bermastautin, membangun perniagaan dan membina kehidupan untuk keluarga mereka.
43. **Kelima, Dekad Baharu Johor adalah dekad yang hijau dan lestari.**
44. Kelestarian akan menjadi penanda aras setiap projek pembangunan di Johor. Lebih banyak pokok akan ditanam, lebih banyak kawasan hutan dipulihara dan dipelihara, lebih banyak sungai dibersihkan, lebih banyak pantai dipulihkan. Semua pelaburan mesti mengambil kira aspek kelestarian. Semua gaya hidup masyarakat mesti berubah menjadi lebih mapan dan lestari.
45. **Keenam, kesejahteraan dan kualiti hidup yang ditingkatkan.**
46. Sepuluh tahun dari sekarang, institusi keluarga Johor akan semakin kukuh, gejala sosial semakin menurun, indeks jenayah akan menjunam secara signifikan dan jurang kualiti hidup bandar dan luar bandar akan menjadi yang terbaik di Malaysia.
47. Johor sedekad dari sekarang akan terbangun sebagai negeri yang sangat berbudaya, Islami, mendukung dengan bangganya struktur masyarakat yang majmuk dan lebih erat perpaduannya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

E. PECAHAN PERBELANJAAN BAJET JOHOR 2018

48. **Untuk Bajet 2018 bagi negeri Johor, anggaran hasil** pada tahun 2018 adalah sebanyak **RM1,504.33 juta**. Manakala **anggaran perbelanjaan** pada tahun 2018 adalah sebanyak **RM1,503.19 juta**. Ini bermakna, Bajet Johor 2018 adalah **bajet lebihan** atau 'surplus budget' dengan izin, iaitu **RM1.141 juta**. Perbelanjaan

mengurus termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah **RM1,503,193 juta**, terdiri:

- a. Emolumen RM493.358 juta; dan
 - b. Perbelanjaan lain-lain RM1,009.835 juta
49. Bagi **Perbelanjaan Pembangunan** tahun 2018 pula, akan diperuntukkan sebanyak **RM700 juta** yang akan ditampung melalui Kumpulan Wang Pembangunan, di mana **RM610 juta** merupakan caruman daripada **Akaun Hasil Disatukan**, dan baki **RM90 juta** adalah daripada **hasil dan terimaan-terimaan lain**.

F. STRATEGI BAJET JOHOR 2018

50. Secara keseluruhannya perbelanjaan ini adalah bagi melaksanakan **153 titik sentuhan**, yang kesemuanya disusun mengikut **5 strategi khusus** seperti berikut.

(i) **Strategi Pertama: Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Yang Sejahtera Dengan Mempelbagaikan Sektor Pertumbuhan.**

51. Seperti yang saya maklumkan, kita mesti mula mencorakkan semula struktur ekonomi Johor agar lebih pelbagai dan mencapah, lestari serta berorientasikan tuntutan masa hadapan. Bajet ini mesti memberi lonjakan dan merangsang pertumbuhan baharu yang diperlukan oleh ekonomi Johor.

52. Untuk itu, kita akan melakukan inisiatif-inisiatif berikut.

Pengerang Industrial Park

53. Kita maklum, Pengerang kini sedang menyaksikan pembinaan infrastruktur mega berkepentingan nasional dalam industri minyak dan gas, yang dikenali sebagai Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang atau PIPC. Lanjutan daripada itu, bagi terus menyokong dan merencanakan pembangunan di kawasan ini, satu kawasan perindustrian baharu yang dinamakan **Pengerang Industrial Park** akan dibangunkan melalui Johor Corporation.

54. Pengerang Industrial Park ini akan dibangunkan di atas kawasan seluas 1,192 ekar dan bernilai RM1.1 bilion (*Gross Development Cost*). Dijangkakan apabila beroperasi kelak, kawasan perindustrian ini akan mampu menawarkan kesan berganda kepada aktiviti-aktiviti pembangunan di Kota Tinggi, termasuklah menjana pelaburan bernilai sehingga RM18 bilion dan mewujudkan 2,700 peluang pekerjaan dalam tempoh 5 tahun.

55. *DIALOG Group* akan meningkatkan pelaburannya di Terminal Tanjung Langsung dan Terminal Pengerang berjumlah RM1 bilion dalam masa 1 hingga 2 tahun. Saiz Terminal Tanjung Langsung akan diperluas dengan tambahan 300 ribu meter padu,

manakala Terminal Pengerang dengan tambahan 420 ribu meter padu. Ini akan menyediakan tambahan 1 ribu peluang pekerjaan sepanjang pelaksanaan projek ini.

Jawatankuasa Ekonomi Baharu Johor

56. Seterusnya, bagi memantapkan persediaan kita berhadapan dengan ekonomi masa hadapan serta cabaran-cabarannya, **Jawatankuasa Ekonomi Baharu Johor** akan ditubuhkan. Jawatankuasa khas ini akan diberi mandat untuk merangka strategi serta melakukan persiapan agar Johor bersedia untuk berhadapan dengan ekonomi masa hadapan yang berorientasikan ekosistem digital dan pencernaan idea. Permodalan Darul Ta'zim (PDT) akan diberikan tanggungjawab sebagai sekretariat untuk menguruskan inisiatif ini dengan peruntukan RM1 juta.

Pelan Pertumbuhan Strategik Johor (PPSJ)

57. **Pelan Pertumbuhan Strategik Johor (PPSJ)** yang memasuki tahun ketiga pelaksanaannya akan diteruskan di semua daerah dengan peruntukan RM7 juta pada tahun 2018. Antara inisiatif setempat di bawah pelan ini adalah seperti berikut:

- a. Daerah **Muar - Projek Pembangunan Pembiakan dan Pemeliharaan Tiram di Sungai Muar**. Projek ini adalah kesinambungan daripada projek pembangunan dan pengindahan Sungai Muar yang menjadi ikon pelancongan bagi daerah ini. Inisiatif ini diperuntukkan RM300 ribu;
- b. Daerah **Batu Pahat - Projek menaiktaraf Pusat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Parit Raja**. Projek ini merangkumi kerja-kerja menaiktaraf pusat perniagaan IKS yang menempatkan 25 premis perniagaan dengan peruntukan sebanyak RM300 ribu;
- c. Daerah **Tangkak - kerja-kerja baik pulih dan naik taraf infrastruktur di Pusat Pelancongan Gunung Ledang Resort** dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dan **kerja-kerja naik taraf infrastruktur rumah dan aktiviti promosi bagi 17 pengusaha Inap Desa Sagil** dengan peruntukan RM300 ribu;
- d. Daerah **Segamat - Projek membina Pusat Kraf & IKS di Daerah Kecil Labis** dengan peruntukan RM300 ribu. Selain itu, bagi meneruskan usaha menjadikan Segamat sebagai Hab Pertanian, **Projek Pembinaan Rumah Sembelih, Pusat Lelongan Ternakan dan Pusat Jualan Setempat Produk Veterinar** akan dilakukan. Ketiga-tiga projek utama yang melibatkan subsektor ternakan ini diperuntukkan sebanyak RM700 ribu;

Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ)

58. Johor akan terus memperkasa kepakaran Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negeri ini melalui Institut Inovasi dan Strategik Johor (IISJ). Kita percaya

inovasi yang dibangun sendiri atau 'home grown technology', dengan izin, akan lebih mudah diadaptasi, diberi nilai tambah dan mempunyai kos yang lebih efektif berbanding teknologi import.

59. Pada tahun 2017, IISJ melalui inisiatif yang diterajui Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menghasilkan lebih 12 inovasi dan produk untuk kegunaan komuniti dan pengkomersialan. Antaranya projek Mollescure, sistem rawatan & penyingkiran sisa logam toksik daripada kerang yang mampu meningkatkan 75% nilai pasaran kerang daripada RM4 sekilo kepada RM7 sekilo. Selain itu, Projek Biofeed atau makanan lembu/kambing berasaskan bioteknologi juga mendatangkan impak yang positif kepada penternak. Dengan biofeed ini, ternakan menjadi lebih aktif, maknanya tanda kesihatan yang bagus, tahap tumbuhan yang lebih konsisten, keadaan kulit yang lebih sihat/bersinar dan sisa buangan yang kurang didatangi lalat.
60. Susulan kejayaan ini, IISJ akan diperuntukkan RM300 ribu bagi tahun 2018 untuk inisiatif-inisiatif seterusnya.

Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC)

61. Bagi memperkukuh kedudukan Johor sebagai destinasi pelaburan utama dalam Malaysia, sebanyak RM1 juta diperuntukkan kepada **Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC)**. Sebagai peneraju dalam memastikan kemasukan pelaburan ke dalam negeri Johor, JSIC perlu dipastikan berupaya untuk terus merangka strategi serta pendekatan yang lebih berkesan terutamanya dalam mengharungi cabaran ekonomi semasa di peringkat serantau mahu pun global.

Kajian Pelan Pembangunan Pekan Panchor

62. Bagi mengambil kesempatan dari kedudukan strategiknya yang terletak bersebelahan hab pendidikan Pagoh dan sebagai kawasan yang bakal menempatkan stesen cadangan HSR-Muar, Kerajaan Negeri merancang membangunkan pekan Panchor dengan lebih terancang. Khususnya dalam memastikan yang pekan ini akan menerima limpahan ekonomi yang berlaku di sekitarnya secara bermakna. Sehubungan itu, **Kajian Pelan Pembangunan Pekan Panchor** akan dilakukan pada tahun hadapan melalui Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) dengan kos RM300 ribu.
63. Selain daripada itu, ekonomi negeri Johor akan terus dilonjakkan melalui 6 inisiatif dalam sektor pelancongan.

Desaru Coast, Kota Tinggi

64. Pertama, bagi meningkatkan kemasukan pelancong ke Johor, projek pembangunan pusat pelancongan bersepadu iaitu **Desaru Coast** di Desaru, Kota Tinggi, sedang rancak dilaksanakan. Pembangunan kawasan pelancongan bersepadu ini meliputi keluasan 3,900 ekar. Ia akan menempatkan, antara lain, hotel dan resort premium, 2 buah padang golf berstatus kejohanan antarabangsa, pusat persidangan, taman tema air dan perkampungan membeli belah.

65. Pembangunan Fasa 1 dengan keluasan 1,900 ekar, bernilai RM4.5 bilion akan memberikan manfaat peluang pekerjaan sebanyak 1,700 kepada rakyat tempatan.
66. Untuk makluman semua, Kelab Golf *The Els Club Desaru Coast* telah pun siap dan sudah mula beroperasi sejak 2016. Manakala komponen pembangunan lain yang sedang disiapkan dan dijangka mula operasi pada akhir Jun 2018 adalah seperti berikut:
 - a. Aman Resort & Villas;
 - b. The Westin Desaru Coast Resort;
 - c. Desaru Coast Conference Centre;
 - d. Hard Rock Hotel Desaru Coast;
 - e. Desaru Coast Adventure Waterpark; dan
 - f. Desaru Coast Riverside (Fasa 1).

Program KampungStay

67. Kedua, bagi mentransformasi program inap desa tradisional ke arah menjayakan pelancongan berasaskan komuniti, **Program KampungStay** akan diperkenalkan dan dilaksanakan dalam kawasan berkeluasan 3.7 ekar di Pantai Teluk Buih, Air Papan, Mersing dengan jumlah kos keseluruhan RM15 juta melalui Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECERDC), dengan peruntukan permulaan sebanyak RM3 juta bagi tahun 2018. Projek ini melibatkan, antara lain, kerja-kerja infrastruktur dan penubuhan koperasi untuk 23 pengusaha inap desa sedia ada.

Projek Pelancongan Desa Kompleks The Wetlands

68. Ketiga, Projek Pelancongan Desa iaitu **Kompleks The Wetlands** di Kampung Belukar Durian dengan peruntukan sebanyak RM2 juta melalui Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). Peruntukan ini akan digunakan untuk pembinaan infrastruktur seperti menaik taraf dan membina tambahan *boardwalk*, membina laluan kanopi sepanjang 100 meter, menambah 3 unit chalet KampungStay, membina sebuah taman permainan, gabion dan tembok pengadang hakisan sepanjang 150 meter.

Johor Eco Entertainment Park

69. Keempat, satu projek yang dikenali sebagai **Johor Eco Entertainment Park** (JEEP) akan dibangunkan di Bandar Akademi YPJ, Kota Tinggi. Projek bernilai RM2.7 bilion secara keseluruhannya ini akan dimulakan dengan Fasa 1 pada tahun hadapan, dengan kos berjumlah RM698.7 juta. Taman Tema yang bercirikan ekotropika, pembelajaran alam sekitar dan hiburan 3E – 'Environment, Education and Entertainment' ini dijangka siap dan dibuka kepada orang ramai pada akhir Disember 2019.

Pengerang Waterfront, Sungai Rengit

70. Kelima, tahun 2018 juga akan menyaksikan pembinaan **Pengerang Waterfront** di Sungai Rengit. Pembinaan ini melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM100 juta. Untuk tahun hadapan, ia akan dimulakan dengan Fasa 1A bernilai RM15 juta, yang merangkumi penaik tarafan dataran usahawan.

Tourism Johor

71. Yang keenam, kita amat sedar, bahawa Johor tidak akan dapat menjadi pusat pelancongan yang terkenal jika ia tidak dikenali. Oleh itu, sebanyak RM6 juta akan disalurkan kepada **Tourism Johor** untuk merencanakan program promosi dan melaksanakan acara pelancongan Johor yang bertaraf antarabangsa.
72. Berdasarkan keenam-enam inisiatif khusus ini, kita harap sektor pelancongan Johor akan terus berkembang dan memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan negeri dan masyarakat setempat.
73. Selain industri minyak dan gas serta pelancongan, fokus juga akan diberikan kepada sektor pertanian, perikanan dan yang berkaitan dengannya melalui 5 inisiatif utama.

Taman Pemprosesan Ikan Bersepadu Endau-Mersing Fasa 2

74. Pertama, memperkukuh kedudukan Mersing sebagai sebuah hab pengeluaran perikanan dengan membangunkan **Taman Pemprosesan Ikan Bersepadu Endau-Mersing Fasa 2**. Projek ini akan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM26.5 juta. Untuk tahun 2018, peruntukan awal sebanyak RM3 juta untuk kerja-kerja infrastruktur.
75. Kedua, sejumlah RM17.4 juta akan diperuntukkan dalam sektor pertanian, perikanan dan veterinar. Peruntukan ini adalah untuk menjayakan projek-projek peningkatan pendapatan melalui bantuan mesin dan geran, program pembangunan unggas, program kawalan penyakit serta kesihatan ternakan, serta pembangunan industri ruminan berskala besar dan kecil. Selain itu, Jabatan Pertanian akan mengadakan pembangunan industri tanaman utama seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Program dan kursus teknikal serta bengkel keusahawanan kepada peserta yang layak juga akan diberikan.
76. Ketiga, bagi memacu pembangunan industri lembu tenusu, Kerajaan Negeri bersama pihak Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan J-Biotech akan melaksanakan 3 inisiatif utama iaitu:
- a. Pertama: **Pembangunan Lembah Tenusu** di Jemaluang, Mersing meliputi kilang pemprosesan hasil tenusu daripada penternak setempat serta pembuatan susu berperisa dan keju bernilai RM70 juta;

- b. Kedua: **Pembangunan Pusat Perintis Koloni Lembu Tenusu** di Bio Desaru dengan nilai pelaburan RM1.2 juta; dan
- c. Ketiga: **Projek pengeluaran produk keju** yang dinamakan **Desaru Cheese** dengan pelaburan sebanyak RM5 juta. Cheese yang halal untuk pertama kalinya dalam dunia.

Industri Ternakan Ayam Pedaging Halal

77. Keempat, melalui **Sistem Rantaian Halal Industri Ternakan Ayam Pedaging Berskala Besar Negeri Johor**, Johor Corporation akan bertindak sebagai penyepadu dengan kos keseluruhan berjumlah RM420 juta. Peruntukan bagi Fasa 1 projek ini pada tahun hadapan adalah sebanyak RM76 juta, yang bertujuan mewujudkan 10 usahawan bumiputera dalam sistem rantaian bekalan halal industri ayam. Inisiatif ini turut melibatkan pembinaan 10 buah reban, 10 buah reban pembiak baka atau 'breeder', 1 pusat ternakan dan pembelian anak ayam serta makanan ayam.

Penubuhan Bank Benih

78. Kelima, bagi menggalakkan penggunaan benih atau baka yang berkualiti dan terjamin, Jabatan Pertanian akan menubuhkan bank benih yang mempunyai antaranya, benih kelapa, pokok dusun, sayuran serta baka ternakan. Sebanyak RM1.7 juta akan diperuntukkan bagi tujuan, antara lain, memberi pensijilan bagi mengiktiraf pengusaha benih atau tapak semeian atau 'nursery' dan pemberian benih secara percuma kepada petani dan penternak.

Keusahawanan Johor

79. Memandangkan keusahawanan terus menjadi antara penyumbang penting kepada ekonomi Johor, maka usaha-usaha menjayakan aspirasi Keusahawanan Johor akan terus dilaksanakan. Sehubungan itu, RM6 juta diperuntukkan kepada Pusat Pembangunan Usahawan Johor (EDC) antaranya bagi melaksanakan 6 inisiatif berikut:
- a. Pertama: **Projek Ekonomi Rakyat Johor (ERA)**. Ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan hasil pencarian golongan berpendapatan rendah melalui konsep keusahawanan sosial dengan penglibatan golongan pasca siswazah bersama masyarakat. Projek perintisnya telah dilaksanakan di Pasir Gudang pada tahun ini. Maka, pada tahun 2018, ia akan diperluas ke seluruh Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Projek ERA ini terbahagi kepada 5 jenis, iaitu tanaman cili fertigasi, tanaman cendawan tiram kelabu, ternakan ikan kolam, perniagaan aiskrim dan bakeri. Program ini juga menyaksikan komitmen Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) dalam meningkatkan ekonomi penduduk setempat di Kota Tinggi, Mersing dan Segamat melalui aktiviti biopertanian mapan dengan membekalkan benih bermutu tinggi dan pembelian balik oleh pelabur-pelabur di Bio Desaru. Inisiatif ini melibatkan aktiviti penanaman, akuakultur dan ternakan oleh syarikat-syarikat seperti LTN Resources, CP Group dari Thailand, Swiftlet

Garden dan Holstein Milk Sdn. Bhd., dengan pembiayaan berjumlah RM5 juta.

- b. Kedua: Menambah baik Program Galakan Usahawan Johor dengan memperluas skop bantuan kepada usahawan mini mikro dan mikro melalui **Insentif Bantuan PKS Johor**. Seramai 650 usahawan disasar akan menerima manfaat iaitu 500 usahawan mini mikro bagi bantuan peralatan bernilai sehingga RM1 ribu dan 150 usahawan mikro bagi bantuan peralatan, pembungkusan dan promosi bernilai antara RM5 ribu hingga RM10 ribu;
- c. Ketiga: **Community Incubation Program**, iaitu pemberian peluang perniagaan di 30 buah premis yang lengkap dengan fasiliti. Program ini adalah kerjasama antara pusat komersial dan korporat, khusus untuk membantu usahawan baru yang tidak mempunyai premis untuk berniaga. Latihan sepanjang 6 bulan untuk mengendalikan premis akan turut ditawarkan;
- d. Keempat: Meneruskan program **Indienomics 3.0** sebagai platform bagi mereka yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan melalui 2 kategori dana permulaan iaitu RM10 ribu dan RM20 ribu kepada 50 usahawan terpilih;
- e. Kelima: Pelaksanaan **Program Misi Jejak PKS** bagi mengenal pasti masalah dan memberikan bantuan khidmat nasihat secara terus kepada usahawan melalui lawatan yang dijalankan di 26 lokasi dengan sasaran 200 usahawan; dan
- f. Keenam: **Program Johor O.E.M** dengan objektif membantu usahawan memiliki produk sendiri di bawah 5 kluster produk iaitu kosmetik, makanan, produk kecantikan, herba tradisional dan farmasi.

Waqaf Sebagai Instrumen Pembangunan Usahawan

80. Malah, agenda keusahawanan ini akan turut dirancakkan menggunakan instrumen waqaf. Pada tahun hadapan terdapat 3 inisiatif khas pembangunan usahawan yang akan menggunakan instrumen waqaf, iaitu:
 - a. Pertama: Pemberian **insentif khas** kepada usahawan untuk menyertai pasaran portal e-dagang Halalmartz. Perbadanan Islam Johor (PIJ) akan memperuntukkan sebanyak RM80 ribu dengan sasaran 100 usahawan Johor;
 - b. Kedua: Bantuan memperoleh **pensijilan halal** melalui insentif atau subsidi RM1 ribu seorang dengan sasaran 100 orang dengan peruntukan RM100 ribu; dan

- c. Ketiga: **Peluang perniagaan melalui Kedai Harga Patut imCoop** yang kini hanya terbuka kepada koperasi akan diperluas dan dibuka kepada usahawan peruncitan. Setiap peserta akan menerima geran bernilai RM30 ribu sebagai modal. Program ini melibatkan peruntukan sebanyak RM600 ribu. Separuh darinya, akan disuntik oleh Kerajaan Negeri yang akan terbuka kepada penyertaan peruncit pelbagai kaum. Manakala baki RM300 ribu lagi akan disumbangkan oleh Tabung Wakaf Rakyat Johor.

Kompleks Ekonomi Rakyat

81. Konsep **Kompleks Ekonomi Rakyat Johor** akan diwujudkan bagi penyediaan unit-unit perniagaan bagi tujuan membolehkan usahawan Bumiputera menyewa premis dengan kadar berpatutan. Sebagai permulaan, unit-unit ini akan dibina di Taman Pelangi Indah dan Taman Rinting dengan kos RM7 juta. Usaha ini akan dijalankan oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ).

Penyertaan Bumiputera Di Kawasan Medini

82. Di tengah-tengah kepesatan pembangunan kawasan Medini seluas 200 ekar, Kerajaan Negeri amat serius dalam memastikan yang golongan Bumiputera tidak akan ketinggalan untuk turut sama mengambil manfaat dari pembangunan di sana. Khususnya, membeli dan memiliki ruang-ruang komersial dan aset hartanah yang dibangunkan. Satu pembangunan bercampur di kawasan itu yang dikenali sebagai Mutiara Medini akan dilaksanakan yang akan memberi peluang untuk bumiputera turut memiliki ruang-ruang komersial dan aset hartanah.

Ruang Perniagaan oleh PBT

83. Melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, sebanyak RM29.3 juta diperuntukkan bagi tujuan membina baharu dan menaik taraf ruang-ruang perniagaan meliputi gerai, kiosk dan tapak 'food truck'. Antaranya adalah:
- a. Di Muar – pembinaan Kompleks Perniagaan di Jalan Meriam bernilai RM3 juta dan Kompleks Niaga Pantai Leka serta kemudahan awam bernilai RM2 juta;
 - b. Di Batu Pahat – pembinaan Medan Niaga Batu Pahat bernilai RM7 juta; dan
 - c. Di Pontian – pembinaan bangunan baharu Pasar Borong dengan kos RM4 juta.

B5 Johor Street Market

84. Sebuah pusat komersial pelancongan setempat berkonsepkan bazar seni akan dibangunkan oleh Johor Corporation, yang berkeluasan 5.86 ekar di Tampoi, Johor Bahru. Ia akan menjadi platform mengetengahkan aktiviti kebudayaan dan produk seni setiap daerah serta mewujudkan 168 unit ruang niaga kepada usahawan Johor. Pembangunan ini melibatkan kos berjumlah RM68 juta dan dinamakan B5 Johor Street Market.

Pusat Edaran imCoop

85. Kerajaan Negeri sedar bahawa hasil pengeluaran daripada para petani, penternak dan usahawan tempatan bukan sahaja mesti ditingkatkan produktivitinya. Namun, penjualan serta pengedaran segala hasil ini mestilah dilakukan dengan baik dan berupaya untuk diperolehi dan dibeli oleh rakyat Johor pada harga yang berpatutan. Lebih penting, kita mestilah mempunyai satu mekanisme yang berupaya menghapuskan kewujudan orang tengah yang sering mengambil untung atas angin secara berlebihan.
86. Untuk itu, sebuah pusat edaran yang dikenali sebagai **imCoop Distribution Centre** akan ditubuhkan. Inisiatif ini akan dijayakan oleh Koperasi Iskandar Malaysia Berhad dan melibatkan kos berjumlah RM1 juta.

Inisiatif Keusahawanan oleh MAINJ

87. Selain itu, imCoop akan memperkenalkan satu lagi pendekatan baharu melalui peruncitan hasil pertanian dan produk makanan segar secara perniagaan bergerak yang dipanggil **Fresh Truck Johor**. Ia mensasarkan seramai 10 usahawan baharu melalui **Program Sewa Beli Food Truck Usahawan Asnaf Johor** oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan peruntukan berjumlah RM260 ribu. Manakala 5 orang usahawan pelbagai kaum disasarkan melalui **Geran Mobile Truck Business Iskandar Malaysia** oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA).
88. Selain Program Sewa Beli Food Truck Usahawan Asnaf Johor, MAINJ turut melaksanakan 2 lagi inisiatif pembangunan keusahawanan asnaf yang kesemuanya diperuntukkan RM1.5 juta, iaitu:
- a. Pertama: Mewujudkan **Tabung Pinjaman Usahawan Mualaf** dengan dana berjumlah RM500 ribu bagi tujuan pembiayaan memulakan perniagaan atau memenuhi keperluan sedia ada yang akan memberi manfaat kepada 50 usahawan mualaf; dan
 - b. Kedua: Menambah 30 lagi **usahawan asnaf dalam perniagaan francais** daripada 50 usahawan sedia ada. Antara usaha tahun hadapan termasuklah, memperluaskan jenama francais yang terlibat melalui kerjasama dengan francaisor–francaisor ternama seperti Perusahaan Otak-otak JB dan Syarikat Zam Saham yang mempelopori produk sejuk beku di daerah Johor Bahru. Kerajaan Negeri melalui MAINJ akan memperuntukkan RM500 ribu untuk program ini.

Koperasi Kampung Desa Lestari

89. Kita percaya bahawa potensi ekonomi dan sumber alam sedia ada di kampung-kampung perlu diteroka dan dikomersialkan. Selain dapat mengelakkan pembaziran sumber yang tidak dibangunkan secara optimum, ia boleh menjadi platform untuk meningkatkan pendapatan serta mencari peluang pekerjaan penduduk kampung. Maka, bagi menggalakkan orang kampung terus

bermuafakat, sebanyak RM2 juta akan diperuntukkan kepada koperasi-koperasi di bawah **Program Koperasi Kampung Desa Lestari** yang dianggotai oleh penduduk kampung untuk melaksanakan aktiviti ekonomi berasaskan potensi setempat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

(ii) **Strategi Kedua: Pemantapan Kemudahan Awam dan Pelebaran Ruang Kesejahteraan Rakyat.**

90. Di bawah strategi ini, kita akan melaksanakan segala inisiatif yang akan menterjemahkan kesejahteraan kepada semua. Bajet Johor 2018 adalah bajet untuk golongan kebanyakan dan bukan eksklusif kepada sesetengah kelompok. Rakyat harus dipastikan benar-benar menerima keistimewaan dan manfaat dari segala dasar, kemudahan serta infrastruktur yang ada di Johor. Yang miskin, disantuni dan diupayakan. Yang memerlukan, dibantu. Yang tiada tempat berteduh, ditawarkan rumah.

91. Untuk itu, kita akan melakukan inisiatif-inisiatif berikut. Saya mulakan dengan **Agenda Perumahan Johor.**

Agenda Perumahan Johor

92. Dalam pembentangan Bajet Johor Tahun 2016, saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mensasarkan pembinaan 60 ribu unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) menjelang tahun 2020. Hari ini sukacita saya melaporkan bahawa sejak 2014 hingga Oktober tahun ini, sebanyak 16,010 unit RMMJ telah berjaya disiapkan.

93. Ini bermakna, kita telah melepasi 27% daripada sasaran tersebut dalam tempoh hanya 3 tahun. Taskforce Perumahan Negeri Johor mengunjurkan unit RMMJ yang akan disiapkan adalah sebanyak 13,536 unit bagi tahun 2018 dan 30,993 unit dalam tahun 2019 dan 2020.

94. Di sebalik segala perkembangan dan kejayaan ini, saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin, perumahan akan terus menjadi agenda besar kita.

Sasaran 100 ribu RMMJ Menjelang 2023

95. Sehubungan itu, sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri meletakkan komitmen tambahan 40 ribu unit RMMJ lagi menjelang tahun 2023 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 100 ribu unit.

Rumah Sewa PBT

96. Selain RMMJ, Kerajaan Negeri menyarankan PBT supaya memainkan peranan dalam penyediaan rumah-rumah sewa, bukan sahaja untuk kakitangannya, tetapi juga kepada golongan berpendapatan rendah.

97. Setakat ini, rumah-rumah sewa yang telah disediakan oleh PBT-PBT seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) adalah masing-masing sebanyak 212 unit, 1,668 unit, 96 unit dan 60 unit.
98. Maka, suka saya umumkan bahawa sejumlah RM75 juta akan disediakan pada tahun hadapan bagi tujuan **penyediaan rumah-rumah sewa oleh PBT**. Ini termasuklah pembinaan 250 unit rumah pangsa melalui PBT Pengerang dengan kos RM50 juta; dan yang lain untuk pembelian serta penyelesaian atau pengambilan tanah oleh PBT-PBT lain.
99. Bagi tujuan mewujudkan peranan aktif oleh PBT-PBT dalam menyediakan rumah-rumah sewa atau transit kepada penduduk yang tidak berkemampuan dan menyelenggara perumahan tersebut, sebagai permulaan, 2 PBT iaitu, MBJB dan MBIP akan mewujudkan **Unit atau Jabatan Perumahan**. Projek perintisnya adalah penyerahan **PPR Desa Mutiara di Tebrau kepada MBJB**.

Program Rumah Transit Belia Johor

100. Seterusnya, **Program Rumah Transit Belia Johor** akan diperkenalkan melalui kerjasama dengan Jabatan Perumahan Negara di bawah Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) untuk memberi kemudahan perumahan sementara kepada belia berumur 18 hingga 30 yang sudah berkahwin. Projek perintis program ini akan melibatkan sebanyak 390 unit di PPR Melana Indah dengan dikenakan kadar sewa bulanan serendah RM250.

Skim Jauhar Prihatin - KPRJ

101. Kerajaan Negeri menyedari kesukaran dan dilema mereka yang tidak mendapat kelulusan pinjaman perumahan. Sehubungan itu, pada tahun ini melalui Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), Kerajaan Negeri telah melancarkan satu skim khusus untuk membantu rakyat memiliki rumah melalui kaedah sewa beli bagi tempoh maksimum 5 tahun.
102. Menariknya, bayaran sewa bulanan dibahagikan kepada 3 kategori dan sebahagian bayaran tersebut adalah bagi tujuan simpanan yang akan diperolehi kembali apabila tamat tempoh penyewaan antara 2 hingga 5 tahun. Kadar simpanan tersebut boleh mencecah RM18 ribu dalam tempoh 5 tahun.
103. Di bawah fasa pertama skim yang dikenali sebagai Jauhar Prihatin ini, sebanyak 409 unit telah dibuka untuk permohonan. Di bawah Fasa 2, 3 dan 4 pula, ia akan ditawarkan kepada 4,870 penyewa sedia ada di bawah SUK Perumahan. Untuk tahun 2018, Kerajaan Negeri akan membeli unit-unit tambahan untuk ditawarkan di bawah skim ini dimana peruntukannya sebanyak RM30 juta.

Perumahan M40 - KPRJ

104. KPRJ akan turut terlibat dalam pembinaan **perumahan mampu milik bagi golongan pertengahan (M40)** yang berharga di bawah RM300 ribu. Projek ini akan melibatkan 2 kawasan utama iaitu Taman Pelangi Indah di atas kawasan seluas 6 ekar yang merangkumi 280 unit rumah pangsapuri dan Taman Rinting di kawasan seluas 4.5 ekar yang merangkumi 208 unit rumah pangsapuri.

Perumahan-KPRJ

105. Selain itu, KPRJ juga akan membina sebanyak 1,000 unit RMMJ yang pecahannya adalah seperti berikut:

- a. 190 unit di Paloh dan Kahang, Kluang;
- b. 100 unit di Yong Peng, Batu Pahat; dan
- c. 70 unit di Kulai.

106. Manakala yang sedang dalam proses perolehan tapak menerusi pengambilan balik tanah pula adalah seperti berikut:

- a. 330 unit di Jalan Nior dan Kampung Sembrong, Kluang;
- b. 160 unit di Pontian;
- c. 100 unit di Payamas, Tangkak; dan
- d. 50 unit di Buloh Kasap, Segamat.

Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

107. Bagi program **Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M)** yang dikhususkan kepada penjawat awam sebelum ini, ia akan diperluas untuk turut melibatkan kakitangan PBT dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Johor. Pada masa ini terdapat 13 lokasi tambahan pada peringkat perancangan melibatkan 4,180 unit.

Perumahan-PIJ

108. **PIJ Holdings** pula akan membangunkan 2 buah lagi **Taman Perbadanan Islam** iaitu:

- a. Pertama: di Permas Jaya, Plentong dengan keluasan 14 ekar; dan
- b. Kedua: di Gelang Patah, Johor Bahru dengan keluasan 35 ekar.

109. Manakala, sejumlah 600 unit rumah jenis 'landed' yang sedang dalam proses pengambil alihan tanah adalah seperti berikut:
- a. Di Labis dengan keluasan 10 ekar;
 - b. Di Kukup dengan keluasan 20 ekar;
 - c. Di Parit Botak, Batu Pahat dengan keluasan 30 ekar;
 - d. Di Pekan Rengit, Batu Pahat dengan keluasan 22 ekar;
 - e. Di Mersing dengan keluasan 20 ekar;
 - f. Di Ledang, Tangkak dengan keluasan 20 ekar;
 - g. Di Parit Sumarto, Ayer Itam dengan keluasan 4 ekar; dan
 - h. Di Mukim Simpang Kanan, Batu Pahat dengan keluasan 7 ekar.

Perumahan-Johor Corporation

110. Bagi agenda perumahan yang dijayakan oleh **Johor Corporation**, saya suka untuk saya maklumkan bahawa sehingga kini konglomerat milik Johor ini, telah menyiapkan sebanyak 2,426 unit rumah mampu milik sejak 2013. Antaranya adalah 304 unit di Taman Seroja yang telah pun diduduki pada tahun 2015. Manakala 1,646 unit di Bandar Dato' Onn dan Bandar Tiram pula kini sedang dalam proses memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan telah mula ditawarkan kepada pembeli yang layak.
111. Selain itu, sebanyak 476 unit sedang dibina di Endau dan Bandar Baru Majidee. Manakala 210 unit RMMJ lagi akan dibina di Sri Gading, Batu Pahat yang merupakan komponen pembangunan di atas tanah berkeluasan 17 ekar. Secara keseluruhan, sehingga kini sebanyak 7,599 unit rumah berpandukan dasar RMMJ dimandatkan pembangunannya kepada Johor Corporation.

Pembiayaan Perumahan Pekerja Perladangan

112. Kerajaan Negeri dengan kerjasama strategik Jabatan Tenaga Kerja dan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan menyediakan **pembiayaan perumahan untuk pekerja perladangan** dengan kadar faedah serendah 2% sahaja. Skim ini akan dikhususkan kepada unit-unit RMMJ.

Dasar Kependudukan Melayu-Kota Larkin

113. Dalam pembentangan bajet terdahulu serta kenyataan-kenyataan rasmi saya sebelum ini, saya sering menegaskan bahawa menjadi dasar serta komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan lebih ramai orang Melayu tinggal di bandar dan mempunyai pemilikan aset hartanah strategik di kawasan bandar.

114. Bagi menjayakan Dasar Kependudukan Melayu Di Bandar ini, KPRJ akan membangunkan semula kawasan industri Larkin menjadi kawasan penempatan Melayu. Kawasan ini akan dinamakan sebagai **Kota Larkin**, dan akan menggunakan pakai konsep pembangunan bercampur.
115. Fasa 1 akan dimulakan pada tahun hadapan melibatkan pembinaan 246 unit rumah PKJ-A dengan kos sebanyak RM50 juta. Dan kesemua hartanah ini akan diberikan status **tanah Rizab Melayu**.

Pemindahan Penduduk Setinggalan

116. Untuk menampung **perpindahan penduduk setinggalan yang layak yang selama ini menetap di atas tapak lama Kem Tebrau**, Kerajaan Negeri melalui KPRJ akan membina 1,000 unit PKJ-A dan PKJ-B. Kawasan penempatan baharu ini bukan sahaja akan menawarkan penempatan semula kepada para penduduk perkampungan setinggalan di sana, malah kesemua penempatan baharu ini akan diberikan status tanah Rizab Melayu.

Pemberian Hak Milik Tanah

117. Kerajaan Negeri akan mengurniakan hak milik tanah seluas 13,684.2 ekar yang pecahan penerima, keluasan dan kawasannya adalah seperti berikut:
 - a. Pertama: 521 penerima dari 8 buah kampung di Johor Bahru dengan jumlah keluasan 207.27 ekar iaitu Kampung Baru Masai, Kampung Melayu Pandan dan Desa Perwira dalam Mukim Plentong; Kampung Permatang 5, Kampung Lorong Aman, Kampung Lembah Murni dan Kampung Jalan Masjid dalam Mukim Tebrau; dan Kampung Dapor Arang di Mukim Tanjung Kupang;
 - b. Kedua: 169 penerima dari 4 buah kampung di daerah Kulai dengan jumlah keluasan 22.17 ekar iaitu Kampung Baru Air Bemban dan Kampung Baru Kelapa Sawit di Mukim Bukit Batu; dan Kampung Baru Sedenak serta Kampung Baru Bukit Batu di Mukim Sedenak;
 - c. Ketiga: 537 penerima dari 4 kawasan di daerah Kota Tinggi dengan jumlah keluasan 1,239.9 ekar iaitu Tanjung Buluh dan Belukar Durian di Mukim Sedili Kecil; Kampung Sungai Sembilang di Mukim Johor Lama dan Sungai Kayu, di Mukim Ulu Sungai Sedili Besar;
 - d. Keempat: 666 penerima dari 3 kawasan di daerah Mersing dengan jumlah keluasan 7,044.09 ekar iaitu Felda Tenggara 1, 2 dan 7;
 - e. Kelima: 3,280 penerima bagi 554 plot di 7 kawasan dalam daerah Segamat dengan jumlah keluasan 322.54 ekar iaitu Kawasan Padang Serian di Mukim Sungai Segamat; Kampung Jawa di Mukim Gemas; Generasi Kedua Felda Redong dan Generasi Kedua Felda Chemplak; serta Kawasan Paya Purun, Tanah Umum Bukit Bujang 1 dan 2 di Mukim Buloh Kasap;

- f. Keenam: 97 penerima dari 2 kawasan di daerah Tangkak dengan jumlah keluasan 119.66 ekar iaitu Kampung Hujung Tambak di Mukim Grisek dan Kawasan Teratai di Mukim Bukit Serampang;
 - g. Ketujuh: 157 penerima dari 4 buah kampung di Batu Pahat dengan jumlah keluasan 184.77 ekar iaitu Kampung Rahmat dan Kampung Nawi Jaya di Mukim Minyak Beku; serta Kampung Haji Kamisan dan Kampung Baru Lam Lee di Mukim Chaah Baru;
 - h. Kelapan: 1,124 penerima dari 5 kawasan di daerah Kluang dengan jumlah keluasan 4,304.22 ekar iaitu Kampung Paya di Mukim Ulu Benut; Kampung Bukit Nyamuk di Mukim Layang-Layang; Batu 4 Kampung Mengkibol dan Kampung Haji Hamzah di Mukim Kluang; serta Kawasan PCM di Mukim Machap; dan
 - i. Kesembilan: 87 penerima di daerah Pontian dengan jumlah keluasan 239.52 ekar iaitu di Kampung Parit Haji Ahmad di Mukim Ayer Baloi.
118. Ringkasnya, pada tahun hadapan seramai **6,638 penerima dari 38 buah kampung** akan dikurniakan hak milik tanah. Dan **99%** daripada tanah-tanah ini akan dijadikan **tanah Rizab Melayu**.

Kemudahan Awam oleh PBT

119. Kesejahteraan sosial masyarakat tidak akan dapat ditingkatkan jika kemudahan serta infrastruktur awam Johor berada dalam keadaan yang uzur, daif dan tidak lengkap. Oleh itu, dalam aspek kemudahan serta infrastruktur awam, perancangan kita adalah seperti berikut.
120. Memberikan **Geran Keseimbangan** yang bertujuan membantu perbelanjaan operasi, infrastruktur dan perkhidmatan kepada rakyat kepada 12 PBT terpilih dengan peruntukan RM10 juta.
121. Selain itu, sebanyak RM8.7 juta akan diperuntukkan bagi membolehkan PBT-PBT melaksanakan projek ekonomi dan kemudahan awam di kawasan masing-masing.
122. Sebagai tambahan, secara khususnya 4 inisiatif melalui PBT akan dijalankan:
- a. Pertama: **Pembinaan Dewan Muafakat** dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM32 juta, antaranya di Bandar Penawar dan Pulau Perdana;
 - b. Kedua: **Penyediaan kemudahan sukan dan rekreasi** seluruh Johor dengan peruntukan RM45.7 juta yang akan digunakan, antaranya untuk menaik taraf padang bola sepak di Taman Puteri Wangsa;

- c. Ketiga: **Menaik taraf taman rekreasi dan riadah** dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM44.6 juta. Antara projek naik taraf kemudahan rekreasi ini adalah di Taman Rama-rama di Labis dan projek naik taraf Taman Rekreasi Tanjung Emas di Muar; dan
- d. Keempat: Penyediaan **Terminal Kenderaan Berat** oleh PBT dengan peruntukan berjumlah RM1.6 juta.

Dewan Komuniti Masyarakat India dan Sikh

123. Bagi memastikan kemudahan awam kita bukan sahaja lengkap, tetapi inklusif, maka kita juga akan membina **Dewan Komuniti Masyarakat Sikh** di bandar Kulai, dan **Dewan Komuniti Masyarakat India** di Seri Alam, Pasir Gudang dengan peruntukan RM1 juta setiap satu.

Kemudahan Awam – Landskap dan Taman

124. Selain kemudahan bersifat bangunan dan kompleks tertutup, kita akan **menambah baik dan menyelenggara landskap dan taman-taman awam** serta mengadakan program dan kempen bersepadu. Peruntukan keseluruhannya adalah sebanyak RM5 juta kepada Jabatan Landskap, yang merangkumi, antara lain, projek Taman Botani di Sri Medan bernilai RM1.5 juta dan pembangunan Taman Komuniti di Simpang Renggam bernilai RM500 ribu.
125. Malah, bermula tahun 2018, satu **reka bentuk khusus dan terperinci akan diwujudkan bagi taman-taman rekreasi** yang berada dalam Iskandar Malaysia melalui kerjasama antara IRDA dan PBT. Ia melibatkan dua hierarki taman rekreasi iaitu Taman Tempatan dan Taman Kejiranan.
126. Bagi melaksanakan hasrat ini, RM20 juta akan disediakan oleh PBT-PBT seperti berikut:
- a. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) – Taman Bunga Raya, RM5 juta;
 - b. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) – Tapak Perkhemahan Impian Emas, RM3 juta;
 - c. Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) – Taman Tasik Perdana Pasir Gudang, RM5 juta;
 - d. Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) - Hutan Bandar Putra, RM5 juta; dan
 - e. Majlis Daerah Pontian (MDP) – Taman Rekreasi Sungai Rambah, RM2 juta.

Kemudahan Awam – Laluan Basikal

127. Selain itu, PBT-PBT juga akan terlibat dalam pembinaan **laluan basikal serta kerja-kerja menaik taraf laluan pejalan kaki** di pelbagai lokasi yang telah dikenal

pasti. Inisiatif ini akan melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM3.5 juta yang pecahannya masing-masing adalah seperti berikut:

- a. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) – RM2 juta;
- b. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) – RM500 ribu; dan
- c. Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) – RM1 juta.

Infrastruktur – Air

128. Infrastruktur air di Johor akan dibangunkan melalui peruntukan yang disediakan agensi Kerajaan Pusat iaitu Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) berjumlah RM925.6 juta. Peruntukan ini merangkumi 12 buah projek, yang lokasi dan kosnya adalah seperti berikut;

- i. Pembinaan baharu Loji Rawatan Air Buloh Kasap, Segamat, RM60 juta;
- ii. Menaik taraf Loji Rawatan Air Felda Pemanis, Segamat, RM16 juta;
- iii. Pembinaan tangki baharu di Labis, Segamat, RM3.6 juta;
- iv. Menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Serampang, Muar, RM29 juta;
- v. Pembinaan Loji Rawatan Air Pagoh, Muar, RM120 juta;
- vi. Menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Lebam (Fasa 2), Kota Tinggi, RM38 juta;
- vii. Menaik taraf Rumah Pam Seluyut, Kota Tinggi, RM 3 juta;
- viii. Menaik taraf Loji Rawatan Air Sembrong Barat, Batu Pahat, RM20 juta;
- ix. Membaik pulih tangki Sri Sulong dan sistem agihannya, Batu Pahat, RM3 juta;
- x. Menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Layang, Johor Bahru, RM17 juta;
- xi. Pembinaan baharu Loji Rawatan Air Sungai Layang 2, Johor Bahru RM600 juta; dan
- xii. Pemasangan paip agihan dari Tangki Bukit Kulai ke Tangki Sedenak, Johor Bahru, RM16 juta.

129. Seterusnya melalui peruntukan Kerajaan Negeri, kita akan melaksanakan 2 inisiatif berikut:

- a. Projek pembinaan Loji Rawatan Air Kahang bernilai RM100 juta; dan
 - b. Projek pembekalan air mentah Layang 2 (Fasa 2) daripada Empangan Seluyut ke Empangan Upper Layang bernilai RM30 juta.
130. Bagi inisiatif **pemeliharaan sumber air pula**, Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (BAKAJ) diperuntukkan sebanyak RM8 juta yang antara lain untuk:
- a. Pertama: Melaksanakan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Johor, dengan kos RM2 juta; dan projek-projek lain di pelbagai daerah.
131. Selain itu, Kerajaan Pusat telah meluluskan RM5 juta untuk **Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** Negeri Johor bagi tahun 2018.
132. Manakala Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) akan diberikan peruntukan pembangunan sebanyak RM35 juta bagi melaksanakan **projek-projek menyelenggara parit dan saliran** seluruh Johor serta menjalankan **kerja-kerja tebatan banjir** di beberapa kawasan yang sering dilanda banjir seperti yang kita sedia maklum.

Infrastruktur-Jalan dan Jambatan

133. Bagi **menambah baik jaringan jalan negeri dan jambatan** seluruh Johor, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM49.5 juta untuk projek baharu dan sambungan. Antaranya adalah:
- a. Pertama: Menggantikan Jambatan Sempit di KM 1.9, 3.3, 4.9, dan 7.4 Jalan Sengkang Bukit Gambir (J143) Ledang (RM5 juta);
 - b. Kedua: Menggantikan Jambatan Sungai Plentong di Jalan Masai Lama, Johor Bahru (RM5 juta);
 - c. Ketiga: Menggantikan Jambatan Parit Kassim, Jalan Temenggong Ahmad (J31), Muar (RM2 juta);
 - d. Keempat: Cadangan Meningkatkan Aras Jalan sepanjang 2KM di Jalan Parit Haji Ariff (J36) Sri Medan, Batu Pahat (RM2.5 juta); dan sebagainya.
134. Selain itu, JKR Negeri Johor juga akan melaksanakan **pembaikan dan penaik tarafan bangunan-bangunan utama Kerajaan** dengan kos sebanyak RM7 juta.
135. Sebanyak RM630 juta diperuntukkan melalui Sistem Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), untuk antara lain, **menambah baik penyelenggaraan jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung dan perabot jalan, seperti papan tanda dan 'ramp', lampu jalan serta pengukuhan bahu jalan.**

136. Daripada jumlah ini, sebanyak RM30 juta adalah khusus untuk kawasan FELDA manakala RM15 juta pula adalah untuk menyelenggara jambatan trafik sederhana.

Infrastruktur - Hospital

137. Bagi pembinaan prasarana kesihatan, kerja-kerja awal pembinaan **Hospital Pasir Gudang** yang bernilai RM500 juta akan dimulakan pada pertengahan tahun hadapan.

Infrastruktur – Pengangkutan Awam Darat

138. Kerajaan Negeri amat berterima kasih dengan Kerajaan Pusat yang sentiasa memberi tumpuan kepada Johor dalam usaha meningkatkan jaringan perhubungan darat di negeri ini. Antara projek mega dengan nilai berbilion ringgit yang sedang rancak dilaksanakan adalah **High Speed Rail Kuala Lumpur-Singapura (HSR)**; **Bus Rapid Transit (BRT)**; **Sistem Rapid Transit (RTS) Johor Bahru-Singapura**; dan **Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru**.
139. Ini termasuklah projek perintis sistem pengangkutan **Bus Rapid Transit (BRT) bernilai RM1 bilion** di 3 laluan berkapasiti tinggi dan pembinaan Busway yang akan dimulakan pada tahun hadapan dengan peruntukan RM30 juta.
140. **Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru** yang menelan kos keseluruhan sebanyak RM10.45 bilion pula akan mendapat peruntukan pendahuluan sebanyak RM200 juta pada tahun hadapan. Apabila siap kelak, jaringan ini akan memperkukuh kerancakan ekonomi Johor selain meningkatkan kualiti pengangkutan awam di negeri ini.
141. Sejak diperkenalkan pada 1 April 2016, **Bas Muafakat Johor** atau BMJ telah menjadi antara strategi utama Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam serta membantu meringankan kos sara hidup rakyat. Sehingga kini, kesemua 47 laluan Bas Muafakat Johor (BMJ) yang diumumkan dalam 2 pembentangan bajet sebelum ini telah beroperasi sepenuhnya. Mengikut maklumat terkini, seramai 3,891,592 orang menggunakan perkhidmatan ini.
142. Rentetan daripada kejayaan ini, 3 lagi inisiatif khusus akan dilaksanakan berkaitan perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) iaitu:
- a. Pertama: **Penambahan 4 laluan baharu** melibatkan pertambahan peruntukan RM2.83 juta, iaitu 1 laluan di Labis dan 3 laluan di Pengerang, menjadikan keseluruhan peruntukan bagi 51 laluan dengan 75 buah Bas Muafakat Johor (BMJ) berjumlah RM23.15 juta;
 - b. Kedua: Mengeluarkan **Kad Muafakat Johor** secara percuma kepada warga emas berumur 60 tahun yang mendaftar; dan

- c. Ketiga: Membuka dan **memperluas penggunaan Bas Muafakat Johor (BMJ) kepada pelajar antarabangsa** yang menuntut di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Johor. Walau bagaimanapun, mereka perlu membayar Kad Muafakat Johor dengan kadar RM10, iaitu bersamaan RM120 setahun.
143. Perkhidmatan bas antara bandar **TransJohor** pula akan ditambah baik melalui 3 inisiatif dengan peruntukan berjumlah RM610 ribu, iaitu:
- a. Pertama: **Penambahan 2 laluan dengan 4 buah bas** iaitu Batu Pahat-Muar dan Batu Pahat-Benut;
 - b. Kedua: **Penambahan 2 buah bas** bagi laluan sedia ada Pontian–Kukup; dan
 - c. Ketiga: Menyediakan **kemudahan WiFi dan memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV)** bagi 20 buah bas.
144. Bagi membolehkan orang ramai mendapat maklumat mengenai **informasi perjalanan Bas Muafakat Johor dan TransJohor** dengan lebih mudah, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) akan menambah 200 tiang bas dan 3 papan informasi di Terminal Bas Pengerang, Bandar Penawar dan Labis. Penambahan ini melibatkan peruntukan berjumlah RM990 ribu.
145. Selain itu, bagi menjadikan jaringan dan kemudahan pengangkutan awam Johor lebih cekap dan berkesan, tapak pengangkutan awam di Johor Jaya akan dibangunkan dengan **konsep pembangunan berorientasikan transit (TOD)**. Pembangunan ini bernilai RM445 juta dan akan dilakukan secara kerjasama awam-swasta. Fasa 1 pada tahun hadapan akan melibatkan peruntukan sebanyak RM19 juta, yang akan digunakan untuk pembinaan terminal bas, tempat letak kereta, medan selera, pasar baharu dan ruang perniagaan.
146. Seterusnya, pembinaan **Kompleks Terminal Bas Batu Pahat** akan turut dimulakan pada tahun hadapan dengan peruntukan berjumlah RM700 ribu.

Infrastruktur – WiFi

147. Menyentuh aspek jaringan perhubungan dan komunikasi bukan fizikal pula, kemudahan WiFi percuma untuk rakyat iaitu **Johor WiFi akan diperluaskan** ke 70 lokasi dengan peruntukan berjumlah RM5.43 juta. Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, sebanyak 135 lokasi seluruh Johor telah dilengkapi dengan kemudahan ini.
148. Di samping itu, suka saya umumkan bahawa Johor Corporation akan turut terlibat dalam membangunkan penambahan 768 'hotspot' dengan peruntukan RM2 juta pada tahun 2018.

(iii) Strategi Ketiga: Memberi Fokus Kepada Keperluan Masa Hadapan Johor, iaitu Membangunkan Kemahiran Semua Rakyat Johor.

149. Di bawah strategi ini, semua potensi dan bakat anak-anak Johor akan diberikan perhatian serius dan dibangunkan sebagai aset masa hadapan. Yang tiada kemahiran, akan diberikan kemahiran. Yang telah ada kemahiran, akan dilatih semula dan ditingkatkan kepakarannya. Yang berbakat akan dicari, dihargai dan diberikan peluang. Yang kurang berbakat, akan kita asuh, beri pendedahan dan bangunkan keupayaannya. Ringkasnya, di bawah Strategi Ketiga ini, tidak ada anak-anak Johor yang akan dibiarkan tertinggal tanpa kemahiran dan kepakaran.

150. Untuk menjayakan misi besar ini, kita telah menyusun secara teliti program-program berikut.

Program Pembangunan Karakter Murid Johor

151. Bagi peringkat terawal dan terendah, pendidikan awal sekolah Johor akan menyaksikan pengenalan **Program Pembangunan Karakter Murid Johor**, yang bertujuan membangunkan modal insan dan kemandirian jati diri, akhlak, jasmani serta rohani pelajar Johor seawal yang mungkin. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM500 ribu kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk menjayakan agenda ini.

Biasiswa Kenangan Dato' Onn

152. Berhubung pembiayaan pendidikan peringkat sekolah, pemberian **Biasiswa Kenangan Dato' Onn** kepada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 yang dilaksanakan selama ini akan diteruskan dengan penambahan jumlah penerima baharu seramai 500 orang. Tahap kelayakan pendapatan keluarga yang kini dihadkan kepada RM2 ribu akan turut dilonggarkan kepada RM3 ribu. Inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM300 ribu.

Bantuan dan Program Tuisyen

153. **Program Bantuan Tuisyen SPM Yayasan Pelajaran Johor (YPJ)** akan diteruskan dengan peruntukan berjumlah RM1 juta. Program ini akan memberi manfaat kepada seramai 4 ribu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

154. Selain itu, Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) juga akan meneruskan **Program Tuisyen atas talian atau e-Learning Johor** untuk semua peringkat sekolah, dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM200 ribu. Sebahagian daripada kos langganan pakej pembelajaran digital ini akan ditanggung oleh YPJ, manakala 50% lagi ditanggung oleh ibu bapa dengan bayaran serendah RM11.60 sebulan. Program yang terbuka kepada pelajar dari semua kaum ini menawarkan beberapa pakej pembelajaran dan dijangka akan memberi manfaat kepada 2,300 pelajar khususnya daripada keluarga berpendapatan sederhana ataupun M40.

155. **Projek Tuisyen Yayasan Johor Corporation** akan turut diteruskan pada tahun hadapan, khususnya untuk murid sekolah rendah luar bandar terpilih di seluruh

Johor. Sehingga kini, 2,799 murid dari keluarga yang kurang berkemampuan dari 30 buah sekolah telah menerima manfaat tersebut. Pada tahun hadapan, program ini akan dipecahkan kepada 2 kaedah iaitu kaedah konvensional dan 'online Classroom', dengan izin, dengan peruntukan berjumlah RM500 ribu. Sasaran pada tahun hadapan adalah seramai 1,200 murid dari 40 buah sekolah.

Pembiayaan dan Pinjaman Pengajian Tinggi

156. Di peringkat yang lebih tinggi, Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) akan memperuntukkan RM20.35 juta bagi **pinjaman pelajaran ke IPT**. Jumlah ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 3,290 mahasiswa.
157. Inisiatif ini akan disalurkan melalui, antaranya, Biasiswa Sultan Ibrahim kepada 5 pelajar Johor yang cemerlang yang menerima tawaran menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah serta Biasiswa Sukan Atlet Johor.
158. Kita maklum bahawa Johor merupakan antara negeri yang mempunyai banyak universiti serta institusi pengajian tinggi antarabangsa yang bertapak dan menawarkan pelbagai program pengajian di sini. Jadi, Kerajaan Negeri tidak akan membiarkan anak-anak Johor sekadar menjadi pemerhati kepada semua ini kerana tidak berpeluang untuk merebut peluang belajar di institusi-institusi berprestij ini. Untuk itu, satu **skim pinjaman baharu** berjumlah RM500 ribu akan diperkenalkan, khusus untuk membiayai 20 orang pelajar cemerlang Johor yang ditawarkan **tempat pengajian di mana-mana universiti antarabangsa swasta yang terletak di dalam EduCity, Iskandar Malaysia**.
159. Sehingga hari ini Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) telah memperkenalkan pelbagai penambahbaikan kepada Skim Pinjaman Pelajaran YPJ termasuklah **pemberian pengecualian bayaran balik pinjaman** bagi peminjam yang berjaya mendapat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama. Selain itu, Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) juga memberikan **insentif diskaun sehingga 50% bayaran balik** kepada peminjamnya yang membuat bayaran balik dalam tempoh-tempoh tertentu.
160. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2018, Kerajaan Negeri bersetuju untuk **memansuhkan kos perkhidmatan 4% bagi peminjam-peminjam baharu dan peminjam yang dijadualkan mula membayar balik pinjaman pada tahun hadapan**.

Pinjaman Pengajian Tanpa Faedah

161. Ini bermakna, bermula pada tahun hadapan, **semua pinjaman pengajian tinggi Johor adalah tanpa caj dan tidak akan dikenakan sebarang faedah** ke atas jumlah pinjaman, atau dengan izin, 'zero-interest'. Pemberian pinjaman sebegini dikenali sebagai 'qard hassan' yang terdapat dalam sistem kewangan Islam.

Penginapan Pelajar IPT di Batu Pahat

162. Selain pembiayaan pengajian, kecukupan tempat penginapan yang selamat dan selesa kepada para pelajar turut sering menjadi cabaran kepada kita. Oleh itu, bagi menampung kekurangan tempat tinggal pelajar anak Johor yang menuntut di Universiti Awam dan Swasta di sekitar Parit Raja, Batu Pahat, Kerajaan Negeri melalui YPJH akan mengubah suai dan menukarkan sebuah bangunan miliknya menjadi kemudahan kediaman alternatif. Perbelanjaan pengubahsuaian serta kos perabot dan peralatan dijangkakan sebanyak RM1 juta. Apabila siap bermula sesi pertama tahun 2018 nanti, asrama ini mampu menampung seramai 138 pelajar daripada pelajar Johor.

Program Insentif Bio-Johor

163. Bagi menggalakkan generasi muda terlibat dalam sektor bioteknologi, **Program Insentif Bio-Johor** berbentuk bantuan khas kewangan bernilai RM4 ribu setahun selama 4 tahun pengajian akan diperkenalkan. Bagi tahun 2018, sebanyak RM100 ribu akan diperuntukkan kepada 25 orang pelajar cemerlang terpilih kelahiran Johor yang sedang menuntut di IPTA dalam jurusan Bioteknologi.

Tabung Pendidikan Sarjana PDT

164. **Tabung Pendidikan Sarjana PDT** yang dikhususkan kepada mereka yang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana di IPT Awam akan diteruskan dengan bantuan bernilai RM5 ribu seorang melalui peruntukan berjumlah RM1 juta. Sejak diperkenalkan pada tahun lalu, inisiatif yang terbuka kepada semua kaum dan bidang pengajian ini telah memanfaatkan 295 orang dari isi rumah berpendapatan kurang RM4 ribu. Bagi tahun 2018, bantuan ini akan mengkhususkan kepada bidang-bidang kritikal selaras dengan keperluan ekonomi semasa Johor.

Tabung Latihan Kemahiran Johor

165. Selain daripada Tabung Pendidikan Sarjana PDT ini, satu tabung khas yang dikenali sebagai **Tabung Latihan Kemahiran Johor** akan turut disediakan pada tahun hadapan dengan peruntukan RM5 juta. Tabung yang akan memberi pengkhususan kepada program latihan kemahiran ini meletakkan pecahan pembahagian dananya seperti berikut:
- a. RM2 juta kepada masyarakat umum;
 - b. RM1.5 juta kepada warga FELDA; dan
 - c. RM1.5 juta kepada kaum India.
166. IPTA dan Institut Kemahiran di Johor diseru untuk memperkenalkan dan menambah penawaran pengajian kemahiran-kemahiran teknikal selari dengan pertumbuhan pesat negeri ini seperti dalam bidang minyak dan gas, maritim, robotik dan pusat data.

Pembangunan Modal Insan oleh KEJORA

167. Melalui KEJORA pula, terdapat 2 program yang akan dilaksanakan dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.5 juta.
168. Pertama, **Program Pembangunan Modal Insan** yang diperuntukkan sebanyak RM1 juta. Program ini disasarkan kepada komuniti organisasi, golongan wanita, para belia, golongan warga emas, ibu-ibu tunggal, OKU dan anak-anak yatim di 35 kampung tradisi di dalam Wilayah KEJORA. Program ini dijangka dapat memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 500 peserta dari pelbagai golongan.
169. Kedua, **Program Pembangunan Pendidikan**, yang mendapat peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Program ini mengandungi beberapa program di bawahnya seperti Program Peningkatan Kecemerlangan Pendidikan, Program Peningkatan Pendidikan dan Sahsiah pelajar sekolah rendah serta sekolah menengah. Program ini akan memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 3,000 pelajar peringkat rendah dan menengah di Wilayah Johor Tenggara.

Program Readiness Enhancement and Dedicated Skills (REDS)

170. Sukacita saya maklumkan bahawa industri perkhidmatan perniagaan melalui program Global Business Services (GBS) ISKANDAR semakin rancak membangun di Iskandar Puteri, Johor. Sehingga kini, sebanyak 14 buah syarikat telah melabur dengan pelaburan yang direalisasi berjumlah RM1.7 bilion di samping penawaran sebanyak 3,997 peluang pekerjaan bernilai tinggi. Antara syarikat yang sudah bertapak di sini termasuklah Frost & Sullivan, VISTRA, AEGIS dan BRANDT International.
171. Bagi terus menyokong perkembangan sektor ini, satu program iaitu program perintis **Readiness Enhancement and Dedicated Skill (REDS)** akan diperkenalkan. Ia merupakan program bagi meningkatkan kemahiran dan latihan semula peserta dalam industri ini. Selain itu, inisiatif yang berpusat di Iskandar Puteri ini akan turut menggalakkan penemuan kerjaya atau 'job matching' antara syarikat tempatan dan asing di bawah GBS ISKANDAR dengan bakat-bakat tempatan berdasarkan penawaran dan permintaan. Sesi pertama pengambilan peserta akan bermula pada bulan Januari tahun depan. Kos program berjumlah RM7 ribu seorang akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak i2M Ventures Sdn Bhd dan syarikat-syarikat di bawah GBS ISKANDAR.
172. Selain REDS di Iskandar Puteri, kita akan turut memberi perhatian kepada keperluan untuk memenuhi permintaan tenaga kerja mahir di kawasan lain di seluruh Johor, khususnya Pengerang. Untuk itu, Kerajaan Pusat akan **menaik taraf bengkel dan kemudahan latihan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar** dengan peruntukan sebanyak RM1.555 juta.

Unit Swadaya Insan

173. **Unit Swadaya Insan** yang telah ditubuhkan pada tahun lalu diperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi meneruskan pembangunan modal insan dan

menjayakan aspirasi Johor Berkemahiran melalui pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Kemahiran Negeri Johor, program intervensi pembangunan swadaya insan di peringkat pendidikan awam dan Kembara Kerjaya 5.0.

174. Selain itu, Program Azam Kerja Muafakat Johor yang telah dimanfaatkan oleh 1,656 orang sejak tahun 2015 akan diteruskan meliputi Azam Kerja@Industri, Program Jana Pendapatan dan Program Kebolehpasaran.
175. Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri menganggarkan 50 ribu lagi peluang pekerjaan baharu akan ditawarkan di seluruh Johor, terutamanya dalam kawasan Iskandar Malaysia dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang.

Infrastruktur dan Pembangunan Sukan

176. Selain aspek pendidikan dan pengasahan bakat dalam bidang kerjaya, kita akan turut memberi fokus serta perhatian kepada usaha membongkar potensi sukan Johor secara lebih serius dan berkesan. Untuk itu, secara rangkumannya, kita akan melakukan 7 inisiatif besar berikut bagi membingkas pembangunan serta promosi sukan di Johor.
177. Pertama, bagi menyelaraskan persiapan ke arah penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) 2020 satu **Sekretariat SUKMA 2020** akan dibentuk dengan suntikan RM10 juta secara berperingkat.
178. Kedua, bagi menyediakan kemudahan latihan atlet dan prasarana SUKMA 2020 infrastruktur sukan yang akan dinaik taraf meliputi:
 - a. **Kompleks Belia dan Sukan Negeri Johor** dengan kos keseluruhan RM15 juta. Walau bagaimanapun, peruntukan pendahuluan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM2.5 juta;
 - b. **Trek Kompleks Sukan Kluang** dengan kos RM3.2 juta;
 - c. **Stadium Mini Kluang** dengan kos keseluruhan RM5 juta. Sebanyak RM4 juta akan diberikan pada tahun hadapan; dan
 - d. Pembinaan **Stadium Mini dan Balapan Johor Bahru** dengan kos keseluruhan RM8 juta. Sebanyak RM6.5 juta akan diberikan terlebih dahulu pada tahun hadapan.
179. Ketiga, Kerajaan Negeri akan mewujudkan **Program Pembangunan Atlet Ti20 (Titanium 20)** iaitu Modul Khas Pembangunan Sukan ke arah kecemerlangan SUKMA 2020. Atlet-atlet yang mempunyai prospek memenangi pingat akan diserapkan ke dalam program ini untuk menjalani latihan insentif fizikal dan mental.

180. Keempat, lanjutan pencapaian cemerlang Johor dalam sukan bola sepak tempatan dan serantau, peruntukan RM10 juta yang diberikan sebelum ini akan diteruskan pada tahun hadapan bagi tujuan **pembangunan bola sepak** khusus di peringkat akar umbi.
181. Kelima, Kerajaan Negeri melalui Johor Corporation akan menyumbang kepada **pembangunan sukan pelayaran** dengan penglibatan Persatuan Pelayaran Negeri Johor dan Persatuan Pelayaran Malaysia. Johor Corporation akan sekali lagi menaja sukan ini dengan peruntukan RM2 juta bagi membiayai penyertaan dalam Sukan Asia ke-18 di Jakarta dan persediaan Sukan Olimpik 2020 di Tokyo.
182. Keenam, kita akan menjadikan Johor sebagai destinasi aktiviti sukan antarabangsa. Bagi menjayakan aspirasi ini, 3 inisiatif usaha sama Kerajaan Negeri dan pihak swasta akan dilakukan, iaitu:
- a. Pertama: **Iskandar Puteri Night Marathon**, yang akan dijadikan acara tahunan untuk mempromosikan Iskandar Puteri dan negeri Johor sebagai destinasi penganjuran sukan antarabangsa;
 - b. Kedua: **The Southern Cycling Race**, iaitu perlumbaan basikal jelajah negeri Johor dengan penyertaan pelumba dari seluruh negara dan antarabangsa; dan
 - c. Ketiga: **Kejohanan Tinju Antarabangsa** akan dianjurkan secara tahunan dengan jumlah peruntukan RM160 ribu sejak ia diperkenalkan pada tahun 2016. Pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM50 ribu untuk kejohanan ini.
183. Ketujuh, pembangunan sukan dan Rakan Muda secara keseluruhannya akan diperuntukkan sebanyak RM17.355 juta. Pembahagian peruntukan ini adalah seperti berikut:
- a. **Majlis Sukan Negeri Johor – RM12.505 juta;**
 - b. **Perbadanan Stadium – RM2.65 juta;**
 - c. **Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor– RM1.9 juta; dan**
 - d. **Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) – RM300 ribu.**

(iv) Strategi Keempat: Menjelmakan Pengurusan Tatakelola Kerajaan Yang Berprestasi, Telus Dan Beramanah.

184. Sistem penyampaian Kerajaan mesti inklusif, cekap dan amanah. Operasi kita mesti telus dan bebas ketirisan. Perbelanjaan kita mesti berhemah dan mempunyai impak serta sasaran.
185. Bagi merealisasikan tekad ini, 2 agenda utama yang berikut akan dilaksanakan pada tahun 2018.
186. **Pertama: Agenda Kepimpinan Berprestasi Dan Pemantapan Perkhidmatan Awam.**
187. Di bawah agenda ini, perkhidmatan awam negeri Johor akan dibangunkan menjadi yang terbaik di dalam kelasnya melalui 2 pelan jangka pendek, sederhana dan panjang, iaitu:
- a. Pertama: Pelan Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Negeri Johor 2018-2020; dan
 - b. Kedua: Pelan Transformasi Pegawai Tadbir Negeri Johor.

Tabung Latihan Kemahiran Penjawat Awam

188. **Tabung Latihan Kemahiran Penjawat Awam Johor-PDT** yang diperkenalkan pada tahun 2016 sehingga kini telah berjaya menjadi platform dalam memberikan kursus eksekutif jangka pendek di universiti terkemuka dunia dan pensijilan profesional kepada 124 Pegawai Tadbir Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Tahun ini, tabung ini telah turut memberi pendedahan tentang teknik-teknik pengajaran dan pedagogi kepada 360 guru KAFAs di Johor.
189. Sehubungan itu, bagi tahun 2018, cakupan penerima manfaat tabung ini akan diperluas kepada penjawat-penjawat awam negeri dan PBT di peringkat pelaksana. Bantuan sebanyak RM5 ribu seorang akan diberikan kepada mereka yang berjaya dan terpilih melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Tabung ini akan menerima peruntukan berjumlah RM600 ribu.

Program Takaful Penjawat Awam Negeri Johor

190. Selain memberikan peluang melanjutkan pengajian, kita akan memperkenalkan **Program Takaful Penghospitalan & Pembedahan serta Program Takaful Kemalangan Diri Penjawat Awam Negeri Johor**. Skim ini merupakan satu kemudahan tambahan daripada kemudahan rawatan kesihatan sedia ada yang dinikmati penjawat awam mengikut Pekeliling Bilangan 21 Tahun 2009. Di bawah inisiatif baharu ini, Kerajaan Negeri akan memberi subsidi separuh daripada kadar bayaran caruman bulanan kad perubatan yang akan melayakkan penjawat awam negeri dan ahli keluarga mereka menerima faedah rawatan pakar di hospital-hospital KPJ dengan kadar RM60 ribu setahun. Skim ini juga memberi

perlindungan sehingga RM220 ribu bagi kes-kes kemalangan yang mengakibatkan kematian dan keilatan kekal. Pada tahun hadapan, inisiatif ini diperuntukkan RM6.21 juta dengan sasaran 10,184 penjawat awam negeri menerima manfaatnya.

191. Kerajaan Negeri menyeru semua PBT, badan berkanun dan GLC negeri untuk melaksanakan program ini kepada pegawai dan kakitangan masing-masing dengan peruntukan sendiri.

Transformasi PBT

192. Transformasi PBT seperti yang diumumkan dalam ucapan Bajet 2017 akan diteruskan pada tahun hadapan melalui 2 inisiatif utama.
193. Pertama, **penaiktarafan PBT**. Setakat ini Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah telah dinaik taraf ke Majlis Bandaraya Iskandar Puteri yang telah mula berkuat kuasa pada 22 November 2017. Tahniah diucapkan kepada MBIP. Hari ini, sukacita saya maklumkan bahawa bermula 1 Januari 2018 nanti, **Majlis Daerah Segamat** pula akan dinaik taraf ke **Majlis Perbandaran Segamat**.
194. Kedua, pemantapan dasar pengambilan kakitangan yang pelbagai dan inklusif. Sebelum ini, PBT-PBT di Johor telah mengambil golongan OKU sebagai kakitangan untuk berkhidmat di PBT-PBT seluruh Johor. Pada tahun hadapan, setiap PBT perlu mengambil sekurang-kurangnya 5 orang kaum India dalam pelbagai gred dan pangkat untuk berkhidmat di semua PBT di seluruh Johor.
195. Kedua-dua inisiatif ini diharap akan dapat meningkatkan kecekapan serta keberkesanan PBT-PBT di negeri Johor.
196. **Agenda Kedua: Melakukan Peralihan Ke Arah Kerajaan Digital.**
197. Johor yang pesat membangun perlulah digerakkan oleh jaringan maklumat yang pantas dan canggih melalui prasarana ICT yang moden dan terkini. Sehubungan itu, kita telah menjalankan satu Kajian dan Pelan Tindakan Digital Johor, yang hasilnya menunjukkan keperluan melaksanakan pelbagai inisiatif digital yang kita rangkumkan sebagai inisiatif **Johor 4.0**.
198. Inisiatif strategik **Johor 4.0** ini adalah satu agenda komprehensif Kerajaan Negeri untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan memartabatkan masyarakat melalui penggunaan teknologi digital atau ICT yang selari dengan revolusi industri ke-4 (4IR). Bermula tahun hadapan, kita akan memfokuskan terlebih dahulu kepada usaha mendigitalkan sektor-sektor utama ekonomi Johor ke arah model perniagaan baharu yang sekali gus akan menjadikan Johor sebagai tumpuan serantau dan hab perniagaan global. Sebagai permulaan, RM5 juta akan digunakan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Johor 4.0.

199. Dari segi pembinaan infrastruktur, fasa pertama akan dijalankan meliputi kawasan Iskandar Malaysia dan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM40 juta. Antara komponen utama inisiatif ini adalah mewujudkan prasarana gentian optik agar rakyat dapat menikmati kemudahan internet jalur berkelajuan ultra atau 'ultra speed broadband'.
200. Bahagian Sains, Teknologi dan ICT Negeri Johor akan diperuntukkan sebanyak RM8 juta bagi tujuan pembangunan **Projek dan Infrastruktur Digital**, yang antara cakupannya adalah **Sistem e-Kewangan Johor, Sistem Pemantauan Projek dan Sistem Hasil Tanah Versi 2.0**.
201. Ini termasuklah inisiatif **Pengajaran dan Pembelajaran berasaskan Teknologi Digital** di Sekolah Agama Johor yang telah dirintis pada tahun 2016 dan kini telah mencapai 40% pelaksanaannya. Sebanyak 693 unit iPad telah disediakan kepada murid-murid dan para guru agama di 4 buah sekolah agama perintis.
- (v) **Strategi Kelima: Mewujudkan Pembangunan Serta Persekitaran Yang Lestari, Islami, Selamat, Berbudaya, Seimbang Dan Bersandarkan Kearifan Tempatan.**
202. Melalui Bajet ini, kita beriltizam menjadikan persekitaran Johor bukan sahaja selamat, tetapi terus lestari dan dipulihara. Budaya, nilai dan tradisi kita mesti terus didukung dan diberikan apresiasi. Dan kita mesti menggunakan kearifan tempatan untuk menyelesaikan pelbagai enigma sosial dalam rutin harian. Cara Johor. Model Johor. Citra Johor.
203. Untuk menjayakan strategi terakhir ini, 5 agenda berikut akan diberikan perhatian.
204. **Pertama: Agenda Johor Islami.**
205. Sebelum saya terangkan tentang inisiatif-inisiatifnya, suka untuk saya jelaskan konteks dan idea Johor Islami yang ingin kita jayakan. Johor Islami tidak seharusnya dilihat dengan pandangan sempit dan terpesong. Ia bukan berkisar tentang pengenalan atau pelaksanaan Islam melalui instrumen undang-undang. Dan ia sama sekali tidak bertujuan mengetepikan kebebasan agama lain untuk diamalkan dengan harmoni.
206. Sebaliknya, Johor Islami merujuk kepada usaha-usaha untuk menterjemahkan atau menjelmakan prinsip dan saranan Islam dalam pelbagai agenda pembangunan serta ikhtiar menyejahterakan masyarakat, yang pastinya lebih bertepatan dengan ajaran Islam sebagai satu cara hidup berbanding hanya kompilasi hukum hakam dan peraturan.
207. Untuk itu, Agenda Johor Islami akan menyentuh antara lain, perkara-perkara berikut.

Skim Zakat MAINJ

208. Sebagai agensi yang bertanggungjawab mengurus dan mengagih pungutan zakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), kini bertindak sebagai Perbendaharaan kepada lebih 160 ribu orang asnaf, fakir, miskin dan mereka yang memerlukan di seluruh Johor.
209. Sehubungan itu, **20 jenis Skim Bantuan Zakat MAINJ** yang meliputi pelbagai bantuan kebajikan, perumahan, perubatan, ekonomi, taraf hidup serta pendidikan akan terus dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM161 juta.

Pembelaan Mualaf

210. Negeri Johor tidak akan ketinggalan dalam membela kebajikan mualaf. Dasar ini selari dengan firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

211. Berpandukan pengajaran dari ayat di atas, kita akan memperkenalkan **Skim Bantuan Bulanan Mualaf** dengan peruntukan RM3.6 juta. Skim ini akan memanfaatkan 3 kategori penerima yang terdiri daripada 1 ribu orang mualaf yang masih dalam tempoh 2 tahun pertama pengislamannya. Jumlah bantuan bulanan mengikut kategori adalah seperti berikut:
- a. RM200 kepada mualaf yang berstatus bujang;
 - b. RM300 kepada mualaf yang merupakan ketua keluarga dengan tanggungan sehingga 5 orang; dan
 - c. RM400 kepada mualaf yang merupakan ketua keluarga dengan tanggungan melebihi 5 orang.
212. Skim ini menjadikan negeri Johor sebagai negeri yang mempunyai sekurang-kurangnya 8 skim bantuan khusus dalam membela kebajikan mualaf.
213. Agama Islam mengajar kita bahawa sifat prihatin tidak seharusnya dipamerkan secara terhad mengikut kaum atau kepercayaan sahaja. Sebaliknya, ia harus selari dengan hikmah ajaran Al-Quran yang turun sebagai rahmat kepada seluruh umat manusia.

Bantuan Pesakit Bukan Islam

214. Atas sebab itu, melalui MAINJ, Kerajaan Negeri memperkenalkan **bantuan kepada pesakit-pesakit bukan Islam** yang kurang berkemampuan dan terlantar bagi mendapatkan rawatan di hospital-hospital dalam bentuk sokongan keperluan asas perubatan dengan peruntukan permulaan sebanyak RM500 ribu.

Bantuan Hemodialisis

215. Bantuan **rawatan hemodialisis** di setiap daerah melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Perbadanan Islam Johor (PIJ) dan Johor Corporation akan diteruskan.
216. Setakat ini, Johor Corporation telah membelanjakan RM773 ribu termasuk untuk pesakit dialisis yang hanya membayar RM90 berbanding RM130 di pusat dialisis luar. Sejak 2013, Perbadanan Islam Johor (PIJ) pula telah menyumbang RM1.5 juta bagi tujuan pemasangan tapak fistula yang telah memanfaatkan 1,500 pesakit buah pinggang. Manakala Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) membelanjakan RM45 juta untuk manfaat 3,500 orang pesakit yang memerlukan rawatan buah pinggang.

Pendidikan Agama – Peringkat Awal

217. Bagi menjayakan Agenda Johor Islami ini, kita akan memberi perhatian serius dan terus memperkukuhkan sistem pendidikan dan sekolah agama Johor di pelbagai peringkat.
218. Di peringkat pendidikan awal, **Program Iqra' dan Fardhu Ain (IQFA)** akan terus dilaksanakan di TABIKA KEMAS terpilih di negeri Johor. Sejak diperkenalkan pada tahun 2014, program ini telah berjaya mendidik sehingga 9,165 kanak-kanak melalui 196 buah TABIKA KEMAS.
219. Lanjutan kepada kejayaan ini, bagi tahun 2018, sebanyak 44 buah lagi TABIKA KEMAS akan mula melaksanakan program ini, menjadikan jumlah keseluruhan TABIKA KEMAS yang mempunyai Program IQFA adalah sebanyak 240 buah. Dianggarkan 4,800 kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah akan menerima manfaat program ini.
220. Untuk memartabatkan tulisan Jawi dan bahasa Arab sebagai bahasa ketiga akan diraccakkan dengan pengenalan 2 lagi modul tambahan baharu iaitu asas tulisan Jawi dan asas Bahasa Arab. Penambahan 2 modul ini menjadikan TABIKA KEMAS kini mengandungi 7 modul utama.

Pendidikan Agama – Peringkat Sekolah

221. Di peringkat sekolah rendah pula, suka saya umumkan bahawa **pembinaan Sekolah Agama Kerajaan Johor telah memasuki Fasa 5** melibatkan pembinaan 30 buah lagi sekolah. Sehubungan itu, sebanyak RM40.297 juta akan

diperuntukkan bagi tahun hadapan. Penambahan ini adalah daripada 578 buah Sekolah Agama Kerajaan Johor yang sedia ada.

222. Seperti yang dinyatakan semasa Majlis Penutupan Ekspo Johor Berkemajuan yang lalu, Kerajaan Negeri telah mengambil alih penyeliaan **65 buah sekolah agama di kawasan FELDA**. Untuk itu, peruntukan sebanyak RM1.03 juta akan disediakan bagi menyelenggara sekolah-sekolah agama di kawasan Felda pada tahun 2018.

Pendidikan Agama – Peringkat Tinggi

223. Selain pendidikan agama peringkat rendah, sudah tiba masanya Kerajaan Negeri mengambil komitmen untuk memantapkan pula pendidikan Islam di peringkat yang lebih tinggi.
224. Untuk itu, fokus pada tahun 2018 adalah untuk melaksanakan **usaha-usaha memenuhi kriteria yang diperlukan bagi menaik taraf Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) kepada sebuah Kolej Universiti menjelang 2019**. Untuk makluman semua, pada tahun ini, kita sudah menjalankan kajian awal berhubung kesesuaian dan kredibiliti untuk melonjakkan MARSAH ke tahap yang lebih baik. Apabila status Kolej Universiti berjaya diperolehi kelak, MARSAH dijangka berupaya menjadi tempat pengajian kepada kira-kira 10 ribu pelajar.
225. Agenda Johor Islami tidak akan lengkap tanpa usaha membangunkan persekitaran ekonomi yang mematuhi tuntutan Shari'ah.

Majlis Halal Negeri Johor

226. Oleh yang demikian, pembangunan industri halal di negeri Johor akan diberi nafas baharu dengan penyelarasan yang lebih baik melalui kewujudan **Majlis Halal Negeri Johor**. Komponen utama di bawah majlis ini adalah 'Johor Halal One Stop Agency', yang akan diselia sepenuhnya oleh Perbadanan Islam Johor. Manakala pelaksanaannya akan diuruskan oleh Perbadanan Islam Johor Holdings.
227. Inisiatif ini memfokuskan 5 perkara utama iaitu pembangunan pensijilan halal, pembangunan produk dan perkhidmatan halal, infrastruktur halal, pembangunan pasaran halal dan pematuhan dan pemantauan halal.

Dana Bantuan Guaman Syarie

228. Bagi melengkapkan aspirasi menjadikan persekitaran negeri Johor sebagai persekitaran yang Islami, hak seseorang individu untuk mendapat keadilan dan pembelaan bukan sahaja mesti diiktiraf, tetapi kemampuan untuk memperoleh khidmat peguam atau nasihat undang-undang mesti turut ditingkatkan, seperti yang kini dilakukan oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan 'legal aids' dalam kes-kes sivil dan jenayah. Sehubungan itu, bagi kes-kes Syari'ah atau tuntutan kes-kes perkahwinan dan *mal* di Mahkamah Syari'ah, Kerajaan Negeri buat julung-julung kalinya akan memperkenalkan **Dana Bantuan Guaman Syarie**. Dengan peruntukan permulaan sebanyak RM500 ribu, dana ini

kelak akan membolehkan mereka dari kalangan isi rumah bawah RM3 ribu berpeluang mendapatkan nasihat undang-undang atau mengupah peguam.

Pembinaan dan Penyelenggaraan Masjid

229. Melalui peruntukan Kerajaan Pusat, sebanyak RM26 juta disediakan bagi membina baharu atau membina semula 12 buah masjid di seluruh Johor, iaitu
- a. Masjid Bandar Sri Gading, Batu Pahat;
 - b. Masjid Kampung Air Putih, Mukim 18 Parit Sulong, Batu Pahat;
 - c. Masjid Makam Lubok Batu, Kampung Lubok Batu, Segamat;
 - d. Masjid Kampung Parit Haji Ali, Mukim 8, Parit Raja;
 - e. Masjid Kampung Parit Awang di Yong Peng;
 - f. Membina semula bangunan Masjid Jamek Nurul Huda, Kampung Parit Jayus 4, Seri Medan, Batu Pahat;
 - g. Membina baharu Masjid Jamek Parit Betong, Mukim 4 Parit Sulong, Batu Pahat;
 - h. Membina baharu Masjid Jamek Kampung Relau Asahan, Tangkak;
 - i. Membina baharu Masjid Jamek Kampung Bukit Banjar, Tangkak;
 - j. Membina baharu Masjid Parit Sulaiman, Pontian;
 - k. Membina baharu Masjid Taman Sri Kluang, Kluang; dan
 - l. Membina Masjid baharu di Taman Bayu Damai, Pengerang.
230. Selain itu, sebanyak RM3.5 juta turut diperuntukkan di bawah **Tabung Pembangunan Masjid Jabatan Agama Islam Negeri Johor** bagi tujuan baik pulih 30 buah masjid dan 70 buah surau.
231. **Kedua: Agenda Johor Berbudaya.**

Pusat Warisan Negeri

232. Hasrat menjadikan Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa akan diteruskan pada tahun hadapan termasuk mewujudkan **Pusat Warisan Negeri Johor** dengan menjadikan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar sebagai pusat sehenti bagi aktiviti kebudayaan negeri Johor. Sebanyak RM10.4 juta diperuntukkan bagi tujuan menaik taraf bangunan, pengisian Galeri Tenun dan penyediaan Galeri Seni Johor di lokasi baharu tersebut.

233. Lanjutan kepada hasrat menjadikan Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa ini juga, **Seminar Johor Riau** akan dianjurkan pada tahun hadapan. Seminar ini diharap akan dapat menyumbang perkara-perkara berikut:
- a. Menyingkap perkembangan Melayu serantau dalam konteks negeri Johor;
 - b. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang sumbangan dan peranan sejarah, budaya dan persuratan dalam ketamadunan Melayu serantau;
 - c. Menghayati dan mengambil iktibar daripada ketamadunan Melayu serantau untuk pengukuhan muafakat dan jati diri masyarakat Johor dalam menempuh era mendatang; dan
 - d. Mendokumentasi serta menerbitkan hasil persidangan untuk rujukan masa hadapan.

Kain Benang Johor

234. Kita akan memperkenalkan semula **Kain Benang Johor** sebagai langkah memelihara warisan budaya dengan menghasilkan produk tenun secara komersial, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Johor.

Festival Hujung Medini

235. Rentetan kejayaan penganjurannya pada tahun ini dan edisi-edisi sebelumnya, **Festival Hujung Medini** akan dijadikan festival kebudayaan tahunan selama 3 hari. Selain mementaskan pelbagai jenis seni zapin, festival ini akan diisi dengan perarakan kebudayaan terbesar bagi memaparkan seni budaya sama ada warisan busana, cara berpakaian, seni muzik dan seni tari pelbagai etnik dari seluruh Johor.

Program Jelajah Akar 01

236. Bagi meningkatkan jati diri anak muda Johor, Kerajaan Negeri melalui Arkib Negara cawangan Johor akan menganjurkan **Program Jelajah Akar 01** dengan peruntukan RM500 ribu. Siri jelajah ke setiap daerah dalam Johor ini disusun dengan pendekatan meliputi aktiviti kebudayaan, pameran dan kesedaran pengetahuan sejarah Johor. Program disasar akan memberi manfaat kepada kira-kira 20 ribu belia Johor.

237. **Ketiga: Agenda Johor Lestari.**

238. Sesungguhnya kita tidak akan menjadi bangsa yang berperadaban tinggi dan berbudaya jika kita tidak pandai menjaga dan menghormati alam sekitar yang menjadi rumah kediaman kita semua.

Naik Taraf Hutan Lipur

239. Oleh itu, sebanyak RM4.5 juta akan diperuntukkan kepada **Jabatan Perhutanan Negeri Johor**. RM1.43 juta daripadanya adalah untuk membaik pulih dan menaik taraf 8 buah hutan lipur dan taman ekorimba di seluruh Johor.

Pusat Kecemerlangan Pemuliharaan Bakau

240. Tapak RAMSAR Sungai Pulai akan dijadikan **Pusat Kecemerlangan Pemuliharaan Bakau** dengan peruntukan RM500 ribu bagi melaksanakan Kajian Kemungkinan dan Rangka Kerja. Hasil kajian ini akan dijadikan panduan dalam meneruskan Kajian Reka Bentuk Terperinci dan pembinaan infrastruktur fizikal.

Pusat Baja Johor

241. Sebuah **Pusat Baja Johor** di bawah J-Biotech akan ditubuhkan dengan peruntukan RM600 ribu. Inisiatif ini melibatkan kerjasama strategik pengusaha-pengusaha kilang baja organik di seluruh Johor dan bermatlamat untuk membolehkan komuniti bio pertanian, iaitu petani-petani moden, mendapat bekalan baja organik dengan harga yang lebih rendah dari pasaran

242. Di bawah **Dasar Kelestarian Negeri Johor** yang telah dilancarkan tahun ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan, antara lain:

- a. **Projek Perintis pemasangan sistem hibrid untuk mini hidro di Tanjung Piai dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu;**
- b. **Pemasangan Lampu Jimat Tenaga Jenis LED berteknologi Hijau di Jalan Raya di bawah Jabatan Kerja Raya;**
- c. **Pengukuhan penguatkuasaan hidupan liar di negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM418 ribu;**
- d. **Man and Biosphere RAMSAR Site dengan peruntukan RM500 ribu; dan**
- e. **ASEAN Heritage Park, dengan peruntukan sebanyak RM188 ribu.**

243. Di bawah Pelan Tindakan Biorosot dan Biokompos, J-Biotech akan diberi mandat untuk mempelopori pengeluaran bahan pembungkusan Biorosot halal bagi menggantikan plastik konvensional dan poliestrin melalui kerjasama dengan pemain-pemain industri biorosot dan biokompos di Johor. Saya dengan ini mengumumkan pelaksanaan **penggunaan bahan pembungkusan biorosot halal bagi menggantikan bekas makanan poliestrin dan plastik akan dilaksanakan di seluruh Johor bermula pada 1 Januari 2018 secara berperingkat**. Sebagai permulaan, disasarkan 30% daripada keseluruhan penggunaan pembungkusan adalah daripada bahan biorosot halal. Inisiatif ini mendapat peruntukan sebanyak RM300 ribu.

Village Enhancement Program

244. Usaha untuk memastikan kelestarian dan pemeliharaan kampung-kampung tradisional dalam Iskandar Malaysia yang dinamakan **Village Enhancement Program** telah dimulakan tahun ini melibatkan 2 buah kampung iaitu Kampung Kuala Masai dan Kampung Pasir Gudang Baru.
245. Pada tahun hadapan, program ini akan diperluas ke 17 buah kampung dengan penduduk seramai lebih 80 ribu, melibatkan peruntukan berjumlah RM17 juta.
246. Kawasan-kawasan tersebut adalah Felda Bukit Batu, Felda Bukit Permai, Felda Taib Andak, Felda Ulu Tebrau, Felda Sungai Tiram, Kampung Cahaya Baru, Kampung Tanjung Langsat, Kampung Perigi Acheh, Kampung Pasir Puteh, JB City VID, Kampung Melayu Majidee, Kampung Sungai Melayu, Kampung Tebing Runtuh, Tanjung Pelepas VID, Kampung Simpang Ampat, Kampung Ulu Choh dan Kampung Terapung Kukup. Ini bermakna kampung-kampung ini akan dipertahankan walau pun dalam pembangunan yang sesak.

Kursi Profesor Iskandar Malaysia

247. Sebuah **Kursi Profesor Iskandar Malaysia** akan diwujudkan bagi tujuan mempromosi dan mengembangkan ilmu berkaitan wawasan pembangunan lestari wilayah yang akan menggunakan konsep endowmen atau wakaf berjumlah RM3 juta daripada Kumpulan Wang Projek Sosial Iskandar Malaysia. Kursi Endowmen ini ditempatkan di Universiti Teknologi Malaysia.
248. Kita juga akan memperkenalkan konsep **Iskandar Sustainable Living (ISL)** iaitu projek mapan yang bercirikan bandar pintar dan rendah karbon. ISL ini akan diperkenalkan di kawasan Medini melalui kerjasama antara Iskandar Investment Berhad (IIB) dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.
249. Sasaran kita adalah untuk tampil sebagai "Ikon Global bagi Bandar Mapan dan Sejahtera Didiami", sekali gus mewujudkan satu legasi dalam perancangan dan pembangunan bandar.

Unit Sungai PBT

250. Bagi mempergiat usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sungai-sungai, sebagai langkah proaktif 3 buah PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang akan menubuhkan **Unit Sungai** bagi tujuan pemantauan khusus ke atas sungai. Kerajaan Negeri amat menggalakkan PBT-PBT lain untuk mencontohi dan turut mewujudkan unit ini.

Program Kelestarian Alam Sekitar – Johor Corporation

251. Dalam menyokong Dasar Kelestarian Johor, Kerajaan Negeri melalui Johor Corporation akan melaksanakan **Pelan Pengurusan Konservasi Paya Bakau Secara Mapan Di Sungai Johor dan Sungai Lebam**. Inisiatif ini adalah fasa pertama daripada 3 komponen Pelan Induk Pembangunan Sungai Johor yang akan turut melibatkan pembangunan ekopelancongan dan aktiviti-aktiviti yang

menjana ekonomi serta memfokuskan pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Projek ini melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM55 juta, dan untuk tahun 2018, sebanyak RM16 juta diperuntukkan.

252. Johor Corporation juga akan meneruskan penajaan program **Johor Corporation GO Green Initiative**, yang menggunakan pendekatan pendidikan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar di 13 sekolah menengah seluruh Johor tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Program ini melibatkan kos sebanyak RM280 ribu setahun dan dijayakan dengan kerjasama antara Yayasan Johor Corporation, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pertanian Johor dan FAMA Johor.

253. **Keempat: Agenda Johor Selamat.**

Pengawasan Setempat oleh Komuniti

254. Bagi memastikan persekitaran kehidupan di Johor lebih selamat dan sejahtera, kita akan menggalakkan penglibatan masyarakat secara langsung dalam ikhtiar tersebut melalui 3 inisiatif:

- a. Pertama: Program Permuafakatan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga dengan peruntukan RM280 ribu;
- b. Kedua: Pemberian Geran Pengoperasian Kawasan Rukun Tetangga berjumlah RM500 ribu; dan
- c. Ketiga: Pemberian Geran Pengoperasian Rondaan Skim Rondaan Sukarela berjumlah RM100 ribu.

Program Bandar Selamat

255. Pelaksanaan **Program Bandar Selamat** oleh PBT-PBT akan diperuntukkan RM1.6 juta yang meliputi pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV), membina laluan pejalan kaki dan susur (railing).

256. **Kelima: Agenda Johor Prihatin.**

257. Johor Prihatin adalah mekanisme kita untuk melahirkan sebuah masyarakat yang peka dan cakna dengan persekitarannya. Ia mensasarkan pembentukan sebuah masyarakat yang saling mengambil berat, bersedia untuk saling membantu dan sentiasa tampil menghulurkan sumbangan masa, tenaga dan sumber untuk menjayakan sebarang usaha meningkatkan kesejahteraan kehidupan bermasyarakat.

258. Bagi menterjemahkan hasrat ini, kita merancang melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut.

Pembukaan Akaun SSPN-i

259. Bermula pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri akan membantu **Pembukaan Akaun SSPN-i** bernilai RM50 seorang untuk bayi yang dilahirkan di Johor pada tahun 2018. Ia melibatkan peruntukan sebanyak RM500 ribu oleh YPJ dan dikhususkan untuk golongan ibu bapa yang berpendapatan bawah RM7 ribu.

Bantuan Am Negeri Johor – Kenaikan Kadar Bantuan

260. Berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat 10 skim bantuan kebajikan persekutuan yang kini dimanfaatkan oleh 42,414 penerima dari negeri ini. Selain itu, seramai 5,724 orang yang terdiri daripada 3,415 Melayu, 1,213 Cina, 926 India dan 170 lain-lain kaum pula dibantu oleh Kerajaan Negeri di bawah Bantuan Am Negeri Johor. Memahami keperluan mereka ini untuk berhadapan dengan kos sara hidup yang meningkat, **kadar Bantuan Am Negeri Johor akan dinaikkan sebanyak RM50, iaitu dari RM150 menjadi RM200 sebulan.** Inisiatif ini melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM13.7 juta.

Perlindungan Takaful Asnaf dan Penerima Bantuan Am

261. Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin dalam memastikan golongan yang kurang berkemampuan turut berpeluang menerima rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan pakar melalui Hospital Pakar, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan **Skim Perlindungan Takaful bagi golongan asnaf dan penerima Skim Bantuan Am** di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dengan adanya skim ini, ia membolehkan golongan ini mendapat rawatan pakar bagi 32 jenis penyakit-penyakit kronik, pampasan kematian dan perbelanjaan pengebumian. Caruman sebanyak RM120 setahun akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan MAINJ. Disasarkan seramai 10 ribu orang asnaf dan 5,724 penerima bantuan Am akan menerima perlindungan takaful ini. Kos keseluruhan bagi 15,724 penerima adalah sebanyak RM1.9 juta.

Pembangunan Masyarakat India

262. Peruntukan khusus **pembangunan masyarakat India** akan ditambah pada tahun 2018 kepada RM8 juta. Ini meliputi peruntukan berjumlah RM6.5 juta kepada **Yayasan Sultanah Rogayah** bagi program keusahawanan sebanyak RM2.5 juta, kebajikan, RM2.5 juta dan pendidikan, RM1.5 juta. Selain itu, RM1.5 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja baik pulih prasarana Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Pembangunan Masyarakat Cina

263. Peruntukan khusus **pembangunan masyarakat Cina** pula adalah berjumlah RM6.5 juta, yang dipecahkan kepada **Yayasan Sultanah Fatimah**, RM3 juta, inisiatif meningkatkan mutu pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) serta pembiayaan kos pendidikan latihan vokasional, RM1 juta dan kerja-kerja baik pulih prasarana SJKC, RM2.5 juta.

264. Peruntukan kepada **Kolej Universiti Selatan** akan diteruskan dengan jumlah RM500 ribu, yang bermatlamat untuk meningkatkan mutu pendidikan tinggi masyarakat Cina.

Ibu Tunggal dan Wanita

265. Seterusnya, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim akan meneruskan **Program Bantuan Peralatan Perniagaan** kepada ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyeru dan menggalakkan semua Yayasan di bawah PBT-PBT yang lain di Johor untuk turut mempertimbang dan mengikut langkah ini.
266. Sebagai usaha untuk menyambut saranan Kerajaan Pusat, semua GLC negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di Johor disarankan untuk mewujudkan **Pusat Ambang Kanak-kanak** untuk manfaat anak-anak kakitangan.

Bantuan Khas Nelayan

267. Sejumlah RM3.67 juta diperuntukkan bagi meneruskan **Bantuan Khas kepada nelayan Selatan Johor** sebanyak RM2 ribu seorang kepada 1,834 penerima berdaftar.

Pemeriksaan Keluarga dan Komuniti

268. Bagi meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga, 2 program akan dilaksanakan dan diperluaskan iaitu **Program Pemeriksaan Keluarga dan Komuniti atau FACE** dan **Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita**. Kedua-dua program ini akan mempunyai lokasi bersasar dan melibatkan peruntukan sebanyak RM300 ribu daripada Kerajaan Negeri.
269. Untuk maklumat semua, kini terdapat 10 buah **Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** di Johor yang dimanfaatkan oleh kira-kira 3,625 orang warga emas. Tahun hadapan, 2 buah lagi PAWE baharu akan dibina di Pasir Gudang dan Bukit Pasir, Muar.
270. Manakala 5 buah PAWE yang berada di Kota Tinggi, Pontian, Muar, Tangkak dan Johor Bahru akan dinaik taraf. Kesemua ini melibatkan peruntukan berjumlah RM1 juta.
271. Dan sebanyak RM20 ribu diperuntukkan kepada setiap PAWE bagi memacu program dan aktiviti yang mereka jalankan. Inisiatif ini akan melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM200 ribu.
272. **Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)** di Johor banyak berperanan membantu OKU berdikari melalui pemberian kemahiran yang bersesuaian, di samping menjadi platform menyuburkan sifat prihatin masyarakat. Sukacita saya maklumkan bahawa negeri Johor kini memiliki jumlah PDK terbanyak di Malaysia

iaitu sebanyak 73 buah. Malah, PDK Felda Bukit Besar, Kota Tinggi telah diiktiraf sebagai PDK Cemerlang Peringkat Kebangsaan tahun 2017. Tahniah saya ucapkan.

273. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersetuju membina 4 buah lagi PDK iaitu di Pemanis, Segamat; Kahang, Kluang; Parit Raja, Batu Pahat; dan Felda Nitar 2, di Mersing.
274. Manakala 5 buah PDK masing-masing di Penggaram, Batu Pahat; Layang-Layang, Kluang; Palong Timur, Segamat; Bukit Gambir, Muar; dan Felda Nitar 1, Mersing akan dinaik taraf dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.7 juta.
275. Selain peruntukan infrastruktur ini, sebanyak RM260 ribu diperuntukkan bagi menyokong penganjuran program-program PDK.
276. Peranan sektor swasta dalam mengupaya golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) melalui tanggungjawab sosial akan diperluaskan dengan memperkenalkan **Corporate Adventure Program** di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Sebagai permulaan, pembiayaan bantuan peralatan dan penyediaan peluang pekerjaan kepada golongan OKU akan dilakukan dengan melibatkan pihak swasta dalam industri perhotelan, perkilangan dan peruncitan atau pasaraya.
277. Manakala program **2YEP Muafakat Johor** (2-Year Exit Program) yang membantu penerima-penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ingin memulakan perniagaan diperuntukkan RM300 ribu. Program ini mensasarkan 100 penerima geran permulaan perniagaan bernilai RM3 ribu seorang. Mereka dijangka boleh menjana pendapatan sendiri melalui perniagaan dan akan mampu untuk keluar daripada kelompok kemiskinan berbekalkan bimbingan dan pemantauan rapi dalam tempoh dua tahun.
278. Selari dengan inisiatif dan bantuan Kerajaan Pusat kepada komuniti Orang Asli seperti bantuan bina baharu dan baik pulih rumah, bantuan makanan dan persekolahan serta pembangunan keusahawanan; Kerajaan Negeri turut tidak ketinggalan menawarkan pelbagai bantuan.

Pembangunan Orang Asli

279. Namun, matlamat dan fokus kita di Johor lebih kepada usaha untuk membantu mentransformasi masyarakat Orang Asli. Dengan peruntukan berjumlah RM500 ribu pada tahun hadapan, program ini akan meliputi pembangunan infrastruktur asas di perkampungan Orang Asli seluruh Johor serta program-program pembangunan komuniti yang dinamakan **ProDaya Orang Asli**.

Program Perpaduan dan Muafakat

280. Peranan **Tabika Perpaduan** akan diperkasakan melalui **Program Permuafakatan JPTP** yang kini meliputi 206 buah kelas dengan peruntukan sebanyak RM412 ribu.
281. **Karnival Pengguna Muafakat Johor** yang bertujuan menangani kos sara hidup melalui penjualan barangan borong dari kilang terus kepada rakyat, diperuntukkan RM1 juta.
282. Bagi **masyarakat Sabah dan Sarawak** yang bermastautin di Johor, Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan RM300 ribu, yang antaranya adalah untuk pembangunan ekonomi dan penganjuran aktiviti atau program.

NGO dan Kesukarelawanan

283. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) merupakan salah satu penggerak utama masyarakat. Pelbagai program berbentuk kebajikan, sosial, keusahawanan dan kesihatan digerakkan melalui platform ini. Justeru, saya sukakan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan dalam bentuk geran berjumlah RM8.5 juta, khusus untuk **program kesukarelawanan dan bantuan kepada NGO-NGO** di Johor. Sebanyak 98 NGO disasarkan menerima geran ini pada tahun hadapan, antaranya, Persatuan HELWA di setiap daerah, Persatuan Ibu Tunggal, Persatuan Orang Pekak dan lain-lain.

Duta Jauhar

284. Sejak penganjuran inisiatif ini pada tahun 2014, sebanyak 106 projek keusahawanan sosial telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan 1,580 mahasiswa Johor. Dan seramai 27,255 orang daripada pelbagai kelompok masyarakat seperti golongan ibu tunggal, keluarga berpendapatan rendah, OKU, orang asli dan warga emas telah menerima manfaat dan impaknya. Melihat kepada keberkesanan projek ini, Kerajaan Negeri bersetuju agar **Program Duta Jauhar** diteruskan bagi sesi ke-5 pada tahun 2018 dengan peruntukan RM1.5 juta dengan sasaran penglibatan seramai 450 mahasiswa dan 5 ribu orang awam.

Pembangunan Orang Muda Johor

285. Generasi belia atau yang kita namakan sebagai Orang Muda Johor (OMJ), merupakan sumber terbesar negara dan negeri Johor. Mereka berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara.
286. Berdasarkan maklum balas daripada golongan belia di kampung-kampung di dalam Iskandar Malaysia, wujud keperluan untuk golongan ini mempunyai pusat khusus bagi menjalankan aktiviti keusahawanan serta berkumpul untuk berbincang dan mendapat informasi terkini berkenaan Iskandar Malaysia. Sehubungan itu, inisiatif **Iskandar Malaysia Port Orang Desa (IMPOD)** akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM1.72 juta. Inisiatif ini melibatkan penyediaan unit berbentuk kabin yang menepati selera golongan belia di kampung-kampung yang terlibat.

287. Untuk tahun 2018, sebanyak 4 lokasi telah dikenal pasti sebagai projek perintis dan pembinaannya akan bermula seawal bulan Januari. Kita mensasarkan untuk membina 14 IMPOD di pelbagai lokasi sekitar Iskandar Malaysia dalam tempoh 3 tiga tahun.
288. Selain itu, antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah pembinaan Hab Belia Tempatan di Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2018.
289. Sesuai dengan slogan 'from youth to youth', suatu dana yang dinamakan **Iskandar Malaysia Youth Fund** akan diwujudkan dengan peruntukan awal sebanyak RM3 juta. Dana ini bertujuan membolehkan golongan belia melaksanakan program-program sosial terutamanya dalam 3 teras utama Hab Belia Iskandar Malaysia iaitu keusahawanan, kesukarelawanan dan gaya hidup sihat.

Pertanian Bandar

290. Mereka yang berbudai pada tanah tidak akan pernah rugi. Atas kesedaran ini, **Program Pertanian Bandar Iskandar Malaysia** (Urban Farming) akan diteruskan untuk membantu para penghuni bandar di sekitar Iskandar Malaysia meningkatkan pendapatan dan meringankan kesan kos sara hidup.
291. Susulan kejayaan di 5 kawasan rintis yang telah dikenal pasti sebelum ini, maka kita bersetuju agar program ini dikembangkan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi perlaksanaan selama 5 tahun mulai tahun 2018. Selain penambahan kawasan, penambahbaikan akan turut melibatkan aspek inovasi dan teknologi.

Program-Program Pembangunan Komuniti Iskandar Malaysia oleh IRDA

292. Bagi meneruskan inisiatif pembangunan sosial Iskandar Malaysia, program **IM Makmur** telah diperkenalkan pada tahun ini untuk membantu 7 golongan sasaran terdiri daripada golongan minoriti dan berisiko terpinggir, iaitu Orang Asli, kaum India yang berpendapatan rendah, nelayan, ibu tunggal, golongan OKU, anak-anak yatim dan warga emas.
293. Pada tahun 2018, program ini akan diterus dan dikembangkan, dan dijangka bakal merubah nasib lebih 1,500 keluarga. Pelaksanaannya akan dijayakan secara usahasama dengan Yayasan PBT dalam kawasan Iskandar Malaysia serta mana-mana NGO yang mempunyai program serta cadangan yang dilihat bersesuaian untuk dilaksanakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Inisiatif Khas Penjawat Awam dan Pesara

294. Sekalipun kelima-lima strategi khusus yang telah dibentangkan inilah yang mendasari Bajet Johor 2018, kita akan tetap bergerak seiring dan sentiasa

menyokong segala ikhtiar, program dan dasar baharu yang diumumkan dalam Bajet Persekutuan 2018 yang lalu.

295. Malah, saya ingin sekali mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih Kerajaan Negeri dan warga Johor kepada Kerajaan Persekutuan atas perhatian dan komitmen berterusan kepada Negeri Johor. Khususnya atas peruntukan sebanyak **RM2.1 bilion** pada tahun hadapan melalui 'Third Rolling Plan' (RP3) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Sesungguhnya, kita tidak dapat nafikan bahawa kerancangan ekonomi dan pertumbuhan pesat di Johor ini turut banyak disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan.
296. Atas dasar inilah, Kerajaan Negeri Johor akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk memberikan yang terbaik kepada seluruh warga Johor. Kita tidak akan memadam segala yang ada dan membuka lembaran baharu bermula dari sifar. Sebaliknya, segala ruang sedia ada yang menawarkan kepentingan strategik, unik dan khusus kepada Johor, tetapi tidak diperuntukkan dalam Bajet Persekutuan 2018, akan dilengkap dan ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Manakala, perkara-perkara yang sudah dicakupi oleh inisiatif serta bidang kuasa Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri akan bantu untuk menambah baik, mengikut kemampuan kita.
297. Malah, saya juga harus tegaskan sekali lagi bahawa segala kecemerlangan dan pencapaian Kerajaan Negeri Johor selama ini adalah hasil kerja keras dan sumbangan besar semua pihak. Khususnya kakitangan Kerajaan Negeri dan para penjawat awam yang komited dan ikhlas berkhidmat.
298. Untuk itu, saya ingin mengumumkan insentif-insentif berikut.
299. Bagi para penggerak masjid-masjid dan para penggerak Program Sakinah di seluruh negeri Johor, bayaran Khas Kewangan berjumlah RM500 akan diberikan.
300. Bagi penjawat awam yang akan bersara, mereka tidak sesekali kita lupakan. Jasa mereka kepada negeri Johor amat besar dan akan sentiasa kita kenang. Justeru, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperkenalkan **Bantuan Khas Persaraan bernilai RM1,000** kepada penjawat-penjawat awam negeri yang bersara bermula tahun 2018.
301. Seterusnya, bagi menghargai jasa bekas Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri akan **menaikkan kadar pencen pesara ADUN kepada 60%** daripada gaji berdasarkan tempoh perkhidmatan. Kadar ini adalah bersamaan dengan kadar pencen Ahli-ahli Parlimen.
302. Dan, akhir sekali, sebagai menghargai segala sumbangan dan kerja keras penjawat awam negeri Johor, **Bantuan Khas Kewangan** akan diberi kepada kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan kakitangan awam Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor dalam jumlah **bersamaan setengah**

bulan gaji dengan kadar minimum RM1,500. Bagi yang mempunyai gaji di bawah RM3 ribu sebulan, mereka akan mendapat lebih daripada setengah bulan gaji.

303. Bantuan Khas Kewangan ini juga akan dipanjangkan kepada semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Ahli Dewan Negeri Johor, Ahli Jumaah Diraja Johor, Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor, Pelatih-pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru-guru Tadika Agama Islam Johor (TAJ).
304. Selain itu, semua pesara penjawat awam negeri Johor akan menerima **Bantuan Khas** sebanyak RM750 seorang, iaitu bayaran oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diumumkan dalam Bajet Persekutuan 2018.
305. Semua bantuan-bantuan khas kewangan yang saya umumkan ini akan diberikan pada minggu pertama **Januari 2018**. Bantuan ini tidak termasuk bantuan untuk hari raya, itu akan diumumkan kemudian.
306. Kita harap, segala pemberian bantuan dan insentif khas kewangan ini akan menjadi lambang terima kasih dan penghargaan tulus Kerajaan Negeri kepada semua yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri. Pasti kita amat sedar, semua ini tidak akan sesekali setara dan memadai jika dibandingkan dengan jasa dan sumbangan besar semua pihak kepada perkhidmatan awam Johor. Namun, kita benar-benar berterima kasih kepada semua yang telah berjasa kepada perkhidmatan awam Johor.

G. PENUTUP

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

307. Sesungguhnya kesempatan membentangkan Bajet Johor 2018 ini membawa bersamanya makna besar kepada saya dan rakan-rakan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Johor.
308. **Pertama**, kali ini lengkaplah lima tahun saya membentangkan Bajet Negeri Johor, sesuai dengan mandat lima tahun yang kami peroleh dari rakyat untuk mentadbir negeri ini. Lima tahun yang sangat mencabar, tetapi lima tahun yang saya juga rasakan sangat berjaya.
309. **Kedua**, Bajet Johor 2018 adalah Bajet terakhir sebelum Dewan ini dibubarkan untuk membolehkan Pilihan Raya Umum ke-14 dilaksanakan. Insya-Allah, selepas pilihanraya akan datang, saya pasti akan kembali membentangkan Bajet Negeri Johor untuk tahun 2019. Dengan kepimpinan yang bersandarkan prestasi, Johor telah menjadi sebuah negeri paling berdaya saing di Malaysia. Maka tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh diberikan mandat sekali lagi untuk terus memimpin Kerajaan Negeri pasca Pilihan Raya Umum ke-14 kelak.

310. Saya akui bahawa impian membangunkan Dekad Johor adalah satu impian yang besar. Kepada mereka yang prejudis, ini adalah angan-angan yang tidak berpijak di bumi nyata. Kepada mereka yang pesimis, ini hanyalah satu mimpi yang tidak mungkin kesampaian.
311. Namun, pada saya dan seluruh jentera Kerajaan Negeri, adalah tidak bermoral dan tidak bertanggungjawab, jika sebagai pemimpin, kita tidak mengambil pendirian patriotik untuk membentangkan satu lembaran baharu demi masa depan Johor dan anak bangsanya.
312. Janganlah kita sekadar mentadbir negeri ini demi kepentingan sendiri, seperti enau dalam belukar, yang hanya mahu melepaskan pucuk masing-masing. Dan janganlah pula kita culas dan malas merancang masa depannya, sehingga Johor menjadi sebuah negeri yang lesu, ibarat hidup segan mati tak mahu.
313. Lebih teruk, janganlah kita menjadi mereka yang terlalu berfikiran sempit dan gemar mencari salah dan silap. Ibarat gagak hitam yang suka menyelongkar sampah dan memakan bangkai.
314. Marilah kita semua, berusaha sehabis kudrat dan daya, memperbaiki kelemahan dan memberikan yang terbaik, demi menjayakan 10 tahun akan datang. Bukan sahaja sebagai sebuah dekad yang sarat dengan pencapaian, tetapi dekad yang dilihat dan dikenali sebagai, Dekad Johor!
315. Saya mohon mencadang, terima kasih.